


Jilid III
Bil. 34



Hari Khamis
3hb November, 1977

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3761]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 [Ruangan 3793]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978 [Ruangan 3794]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO' HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

„ DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).

„ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

„ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).

„ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).

„ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

„ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

„ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

„ PUAN CHOW POH KHENG. (Selayang).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

„ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENGPU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

Yang Berhormat TUAN OH KENG SENG (Petaling).

- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 3hb November, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

yang termaklum, Malaysia tidak sekali-kali mengakui tuntutan Kerajaan Filipina ke atas negeri Sabah. Pengumuman yang dibuat oleh Presiden Marcos itu adalah pengumuman beliau sendiri.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Berkenaan dengan soalan (b), jawapannya ialah tidak.

RANCANGAN BUKU HIJAU

SABAH — TUNTUTAN FILIPINA

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebarang rundingan telah dibuat di antara Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Filipina, Tuan Ferdinand Marcos mengenai pertikaian Sabah berikutan pengumuman oleh Presiden Marcos bahawa kerajaan beliau akan menarik balik tuntutannya ke atas Sabah, jika ya, adakah beliau akan menyatakan keadaan rundingan itu; dan
- (b) adakah hingga kini Kerajaan Malaysia telah dihampiri oleh kerabat Sultan Sulu mengenai soal bayaran gantirugi, jika ya, bagaimanakah beliau beradang hendak mengendalikan perkara ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak membuat apa-apa rundingan dengan Presiden Marcos mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah. Seperti

2. **Dr. Hee Tien Lai** minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan-kejayaan Peringkat Kedua Rancangan Buku Hijau semenjak ianya dilancarkan dalam bulan Julai, 1976.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Buku Hijau Peringkat II telah dilancarkan dalam bulan Julai, 1976 dan adalah menjadi harapan Kerajaan supaya dalam tempoh 3 tahun, rancangan ini akan berkembang di seluruh daerah. Oleh kerana Rancangan Buku Hijau II hanya mencapai satu tahun pelaksanaan, maka adalah terlalu awal untuk mengesani kejayaan-kejayaan rancangan ini. Walau bagaimanapun, dari kajian-kajian yang dijalankan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, beberapa kejayaan dapat jua dikesan.

Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pendapatan peserta-peserta Rancangan Buku Hijau telah bertambah dan menurut kajian Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, dengan adanya rancangan ini didapati bahawa 75% daripada peserta-peserta menyatakan bahawa pendapatan mereka bertambah. Mereka adalah petani-petani yang

mengikuti rancangan ini yang telah mula menyedari bahawa tanah ada satu punca pendapatan yang baik dan tanah persendirian harus digunakan dengan optima. Menerusi rancangan ini juga mereka digalakan mencuba tanaman-tanaman baru yang belum pernah mereka tanam dahulu.

Muda-mudi telah juga mula berminat dalam kerja-kerja pertanian luar bandar dan mula sedar akan pentingnya kerjasama di antara mereka bagi menjayakan sesuatu projek itu. Syugia diingatkan bahawa rancangan ini adalah kempen Kerajaan yang cuba menggunakan sebaik-baiknya kesemua peruntukan yang sedia ada bagi Ajensi/Jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Perikanan, Jabatan Haiwan dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

KILANG — PEMBINAAN DI KAWASAN KURANG MAJU

3. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan bercadang akan membina kilang-kilang di merata-rata tempat di Malaysia dan tidak ditumpukan kepada satu-satu kawasan sahaja misalnya di kawasan-kawasan pelabuhan dan bandar sebagaimana yang terdapat sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyelenggarakan projek-projek perindustrian daripada kawasan yang lebih maju dalam segi perindustrian kepada kawasan-kawasan yang kurang maju, terutama kepada kawasan-kawasan luar bandar untuk mencapai keseimbangan dalam pembangunan perindustrian wilayah di negara ini. Kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai jenis galakan untuk menarik pengusaha-pengusaha mendirikan kilang-kilang di

kawasan-kawasan kurang maju. Kemudahan-kemudahan prasarana yang perlu seperti estet-estet perindustrian di mana bekalan letrik dan air telah disediakan. Sebagai tambahan, galakan-galakan cukai yang menarik seperti Galakan Tempat Kedudukan (Locational Incentive) menawarkan kelepasan cukai maksima selama 10 tahun kepada projek-projek yang layak yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah diistiharkan sebagai Kawasan Galakan Tempat Kedudukan.

Dasar penyelerakan perusahaan telah mencapai kejayaan yang memuaskan seperti yang ditunjukkan oleh angka-angka kelulusan projek yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju. Bilangan projek-projek yang diluluskan untuk ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju telah meningkat daripada 43% di tahun 1971 kepada 62% pada tahun 1976.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah tidak mungkin bagi mendirikan projek-projek perindustrian di tiap-tiap kawasan di negara ini. Terdapat banyak faktor-faktor seperti kehampiran dengan sumber-sumber bahan mentah, adanya kemudahan-kemudahan prasarana yang diperlukan, bekalan buruh mahir, kos pengangkutan, berhampiran dengan pasaran dan lain-lain, yang mana menentukan "viability" projek-projek perindustrian. Untuk menyelenggarakan perusahaan-perusahaan kepada tiap-tiap kawasan di dalam negara ini tanpa menimbang faktor-faktor tersebut akan berakhir dengan kegagalan projek-projek tersebut. Walau bagaimanapun penempatan adalah satu pertimbangan dalam penilaian projek-projek dan di mana perlu pengusaha-pengusaha adalah digesa untuk menempatkan projek-projek mereka di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Kerajaan memberi kelulusan kepada tiap-tiap industri di dalam Semenanjung Malaysia ini, adakah Kementerian beliau satu kuasa yang mana

boleh memberi satu arahan kepada tiap-tiap industri satu tempat dalam kawasan luar bandar yang mana beliau boleh ikut dan juga boleh adakan satu-satu industri di kawasan-kawasan luar bandar.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu permohonan kita terima sudah tentu akan disebutkan di mana industri itu hendak ditempatkan. Kalau kita fikirkan tempat itu sesuai maka Kalau kita fikirkan tempat itu sesuai maka ini kita persetujuan tetapi kalau didapati tempat yang hendak dipilih oleh industri itu telah banyak industri di tempat itu atau telah maju, maka pada biasanya kita menasihatkan kepada industri itu ditempatkan di satu kawasan lain yang kurang maju yang boleh membantu pembangunan kawasan itu. Dan masaalahnya pula selepas itu ialah di mana pula pihak Kerajaan Negeri akan menentukan industri itu ditempatkan. Kalau dikatakan dia hendakkan di Perak apakah Kerajaan Perak juga akan menyetujuinya, kalau di kawasan Yang Berhormat ditempatkan di Sungai Siput. Itu masaalah yang di luar daripada kuasa Kementerian ini.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa kalau kawasan-kawasan yang telah diistiharkan kawasan perusahaan maka pihak Kerajaan telah membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan api. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di Trengganu, kawasan yang telah diistiharkan kawasan perusahaan tetapi tidak dibekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti di Besut umpamanya, kemudahan-kemudahan seperti talipon, bekalan letrik dengan janji-janji supaya bekalan ini dibekalkan dan apabila sampai masa bekalan letrik ini dibekalkan tetapi bekalan letrik itu tidak dapat mencukupi bagi memajukan kawasan-kawasan yang seperti ini. Jadi kalau sedar, apakah tindakan Kementerian ini bagi menuaikan janji-janji Kerajaan dalam perkara ini?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas masaalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi masaalah untuk mengatasinya adalah bukan di bawah jajaan Kementerian ini, tetapi walau bagaimanapun masaalah ini sedang diatasi terutama masaalah bekalan letrik yang menjadi satu bahan yang penting dari segi pembangunan perindustrian. Saya percaya bagi kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tindakan-tindakan yang perlu sedang diambil, hanya menanti masa sahaja. Kalaupun bekalan yang telah dibekalkan tidak mencukupi, mungkin masaalah menambahkan perbekalan itu akan dilaksanakan juga.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Apa yang saya maksudkan dalam soalan saya itu, di dalam meminta penjelasan iaitu seperti bekalan api letrik. Pihak Kerajaan berjanji bahawa bekalan api letrik ini hendak dibekalkan dalam kawasan yang diistiharkan, tiba-tiba api ini dibekalkan tetapi tidak mencukupi keperluan. Katakanlah, kawasan ini menggunakan 150 mega watt tetapi pihak pembekal ini dapat memberi keizinan hanya 50, tidak menepati keperluan, sedangkan kalau hendak diproses semula memerlukan masa yang panjang pula. Jadi kalau sedar perkara-perkara seperti ini apakah tindakan yang patut diambil di masa-masa akan datang. Perkara ini sudah berlaku dan sedang berlaku.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Saya telah mengatakan tadi saya maklum atas perkara ini dan akan disampaikan kepada pihak yang bertanggungjawab.

MINYAK TANAH KEKURANGAN

4. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah selalu berlaku kekurangan bekalan minyak tanah. Apakah langkah beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa kekurangan bekalan minyak tanah sering berlaku di beberapa kawasan di negara ini. Walau bagaimanapun, kekurangan tersebut adalah berlaku secara "isolated" iaitu tidak serentak di semua tempat di dalam satu-satu kawasan pada satu-satu masa tertentu. Dari siasatan-siasatan yang dibuat kekurangan yang berlaku itu adalah disebabkan oleh beberapa faktor dan di antaranya ialah masalah kelewatan penghantaran di peringkat pemborong dan peruncit dan penambahan permintaan yang berlebihan daripada biasa. Beberapa tindakan telah dijalankan oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan itu seperti berikut:—

- (i) Mengarahkan syarikat-syarikat minyak memberi bekalan yang cukup kepada pengedar-pengedar mereka pada bila-bila masa;
- (ii) Menasihatkan pengedar-pengedar meminta bekalan yang cukup daripada pembekal-pembekal mereka dengan merancang penjualan bekalan dan stok simpanan mereka;
- (iii) Mengenakan syarat-syarat perlesenan ke atas syarikat-syarikat minyak, pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit minyak tanah dan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang tidak mematuhi syarat-syarat bekalan yang dikenakan ke atas lesen mereka untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi;
- (iv) Meminta syarikat-syarikat minyak melantik pengedar-pengedar tambahan bagi kawasan-kawasan terpencil sekiranya didapati perlu;
- (v) Mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan wakil-wakil penjual minyak tanah untuk mengkaji masalah-masalah bekalan yang dihadapi dari masa ke semasa dan mengadakan cara-cara tertentu bagi menghadapi masalah-masalah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat syarikat-syarikat minyak tempatan telah memberi jaminan untuk memastikan bekalan yang sentiasa mencukupi bagi memenuhi keperluan pengguna-pengguna.

PUSAT RAWATAN ACUPUNCTURE

5. Tuan Chieng Tiong Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau boleh menubuhkan pusat-pusat rawatan akupunktur dan electro-stimulation (AES) bagi penagih-penagih dadah sebagaimana yang telah terbukti murah dan berkesan dijalankan di Hongkong.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Dato' Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini, Kementerian saya tidak bercadang untuk menubuhkan pusat-pusat rawatan akupunktur dan electro-stimulation bagi penagih-penagih dadah di negara ini. Akupunktur dan electro-stimulation adalah salah satu daripada cara-cara rawatan bagi menjalankan detoxification pada penagih-penagih dadah dan bukanlah rawatan bagi penagihan dadah sama sekali. Rawatan secara akupunktur dan electro-stimulation tidak akan mencegah penagih-penagih dadah daripada ketagihan mereka. Cara rawatan tersebut sedang dijalankan secara percubaan dan juga dikaji di Hongkong dan negara-negara yang lain tetapi kajian-kajian tersebut belum mencapai sebarang keputusan yang muktamad. Doktor-doktor di negara kita sedar akan cara-cara tersebut dan masih menunggu keputusan-keputusan kajian yang sedang dijalankan. Cara rawatan yang dijalankan sekarang di negara ini adalah memuaskan.

OPERASI DOAYAI-MUSNAH DAN CAHAYA BINA

6. Tuan Shamsuddin bin Din minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai di dalam gerakan-gerakan Cahaya Bina I dan II, di

Betong dan Weng Thailand. Nyatakan berapa ramaikah pengganas-pengganas Kominis telah dibunuh dan ditahan termasuk talibarut-talibarutnya dalam gerakan-gerakan tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, sebelum dilancarkan Operasi Doayai-Musnah I dan II dan Cahaya Bina I dan II kedudukan musuh di perbatasan Malaysia dengan Thailand bolehlah dianggap sebagai sudah mencapai satu taraf pemberontakan insurgency status. Maksud taraf pemberontakan ini ialah insurgency status iaitu pihak musuh — Parti Kominis Malaya mempunyai dua unsur yang penting.

Unsur yang pertamanya, mereka mempunyai markas dengan pemerintahan yang diselaras (cohesive command) serta sistem perhubungan yang tersusun.

Yang keduanya mereka mendapat sokongan daripada rakyat tempatan walaupun dengan cara paksa sehingga pada suatu ketika mereka memungut cukai di wilayah-wilayah sana. Pada suatu ketika rakyat menunjukkan perasaan menentang Kerajaan.

Tujuan Operasi Doayai-Musnah dan Cahaya Bina ini ialah untuk mengurangkan taraf apa yang dikatakan taraf pemberontakan (insurgency status) dan ini telah dapat diperhasikan dengan cara yang pertamanya — dipecahkan pemerintahan yang diselaras (cohesive command)nya dan sambil itu memisah atau mengasingkan mereka iaitu pengganas-pengganas tadi daripada rakyat. Dengan operasi yang dilaksanakan maka kita telah berhasil mengujudkan keadaan yang kita kehendaki sehingga menjadikan mereka iaitu pengganas tadi hanya sebagai gerombolan-gerombolan liar yang sentiasa lari daripada buruan pasukan keselamatan serta keadaannya bercempera dan juga keadaan mereka dengan masyarakat iaitu perhubungan mereka dengan masyarakat telah putus.

Pada hemat Kerajaan, pada hemat kita dan juga pada hemat pihak Kerajaan Thailand tujuan utama tadi sudah tercapai melalui operasi bersama iaitu operasi Cahaya-Bina dan Doayai-Musnah.

Apa yang kita mahu pastikan pada waktu ini iaitu kita bersama khususnya pihak Thailand ialah supaya pihak musuh yang berjaya kita cemperakan tadi tidak memperoleh kesempatan untuk balik berkumpul dan mendirikan balik (cohesive command) atas markasnya. Sambil itu Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand telah bersetuju memulakan bersama rancangan pembangunan dari segi sosio-ekonomi bagi membangun atau memajukan penduduk di kedua belah perbatasan. Rancangan-rancangan itu akan diselaras dan disusun sebegitu supaya se-kata, seimbang dan tidak berat sebelah.

Dari segi tektikal pula kemajuan yang kita dapat iaitu pasukan keselamatan kita telah dapat menilai dan dapat mengkaji dengan secara mendalam kekuatan musuh yang sebenarnya bagaimana mereka berusaha dan meluaskan lagi pengalaman kita dari segi keadaan tempat dan juga dari segi keadaan taraf musuh di sempadan. Kita telah memusnahkan tempat-tempat mereka ber-lindung (sanctuary) dan infrastructure per-tubuhan pengganas kominis yang sentiasa kita tahu mengawasi sempadan bersama tadi.

Lagi satu, suasana ketenteraman di sempadan bersama telah dapat diujudkan dan ini memberi penduduk-penduduk di sempadan kepercayaan yang lebih terhadap kebolehan dan hasrat Kerajaan kedua-dua negara bagi menjamin keselamatan mereka. Penduduk-penduduk tersebut telah dapat mena-han diri mereka dari memberi bantuan kepada pengganas-pengganas kominis dan menam-bahkan semangat kekuatan untuk menentang faham kominis.

Kalau sebelum gerakan bersama dilancar-kan tadi umpamanya mereka itu terpaksa

membayar cukai, pada masa ini penduduk-penduduk telah giat untuk memasuki Village Defence Corps atau Gerakan Pertahanan Kampung dan tidak membayar cukai lagi kepada penganas-penganas kominis. Gerakan ini telah mencurigai penganas-penganas kominis. Bahkan pihak Kerajaan Thailand sendiri yang saya tahu memberi senjata kepada orang-orang kampung pada masa sekarang. Dan gerakan-gerakan bersama yang serupa akan terus kita jalankan, rancangan dan gerakan persendirian juga, bagi pihak kita — kita jalan; bagi pihak dia — dia jalankan. Dan dengan adanya gerakan-gerakan sedemikian, Insyallah, keadaan akan dapat kita amankan.

Oleh kerana matlamat utama dalam operasi seperti yang saya sebutkan tadi, soal bilangan musuh yang kita amankan adalah kita sifatkan 'bonus' sahaja. Dan bilangan musuh yang dilaporkan terbunuh di dalam pertempuran ini ialah 85, yang ditawan ialah 40 dan yang menyerah diri adalah 3.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri berkenaan menyatakan bahawa sebelum gerakan-gerakan yang dimaksudkan itu dilancarkan, keadaan di sana adalah taraf pemberontakan. Dari itu, bolehkah beliau menerangkan samada orang-orang yang mengambil bahagian di dalam pemberontakan ini dianggap sebagai pemberontak? Jika dianggap sebagai pemberontak dan jika didapati di dalam bilangan ini warganegara Malaysia apakah layanan diberi kepada mereka, samada mereka ini diberikan layanan sebagai prisoners of war ataupun sebagai pengkhianat negara?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal prisoner of war tidak timbul. Prisoners of war itu mestilah ada peperangan di antara satu negara dengan satu negara. Mengapa dibawa soalan itu? Ini tidak timbul sama sekali. Dan jika sekiranya ada warganegara Malaysia di dalam pasukan Parti Komunis Malaya di sebelah

Thai itu kita mempunyai perjanjian dengan Thai, mereka akan diserahkan kepada kita kalau mereka itu ditawan ataupun menyerah diri.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan kejayaan operasi yang telah dijalankan bagi Cahaya-Bina I dan Cahaya-Bina II dan hampir-hampir operasi ini akan dapat menawan Rashid Maidin. Dan dimaklumkan pula sungguhpun begitu paip Rashid Maidin telahpun ditawan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri dimanakah Rashid Maidin dan Chin Peng tinggal pada masa sekarang ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar khabarlah paip Rashid Maidin sudah dapat ditawan dan apakah implikasinya kalau kita dapat paipnya dan tidak dapat tuannya. Musuh yang mengandungi Rashid Maidin ini yang kita tahu ialah di sebelah Weng sana. Soal Chin Peng, orang kominis sendiri tidak cakap lagi nama Chin Peng.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya berasa lapang dada mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa orang-orang ini tidak akan diberi layanan sebagai prisoners of war. Soalan itu tidak timbul. Terima kasih. Tetapi apa yang saya hendak ketahui kerana orang-orang ini diakui sebagai pemberontak, adakah mereka ini diberi balasan sebagai seorang pemberontak kerana mereka ini warganegara Malaysia. Ini soalan saya. Kerana layanan yang telah diberi ialah sebagai prisoners of war, ditahan setempat, diberi makan dan sebagainya. Tetapi jika sebagai pemberontak dan ianya adalah sebagai pengkhianat negara, barangkali dia akan diberi balasan sebagai seorang pemberontak. Harap dapat jawapan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai undang-undang. Kalau sekiranya orang ini ditawan di sebelah kita, dia mempunyai senjata

maka undang-undang akan berjalan terhadap mereka.

SELAT MELAKA — MENGHINDARKAN KECEMARAN

7. Tuan Alex Pang Sui Chee bertanya kepada Menteri Undang-undang:—

- (a) apakah ikhtiar Kerajaan untuk menghindarkan kecemaran laut di Selat Melaka dengan dilalui oleh kapal-kapal pengangkut minyak dan semenjak beberapa buah kapal telah menumpahkan minyak di Selat Melaka kita berapa banyak pampasan telah diterima oleh Kerajaan dan kiranya telah diterima dari negara-negara mana; dan
- (b) adakah buat masa hadapan ini Kerajaan akan membuat undang-undang bahawa kapal-kapal pengangkut minyak sekian-sekian tan tidak dibenarkan mengangkut minyak melalui Selat Melaka, kiranya ada, bilakah akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Satu daripada langkah-langkah penting yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan kecemaran laut Selat Melaka ialah mengadakan dengan kerjasama dua buah lagi negara pantai, iaitu Indonesia dan Singapura suatu rancangan yang dinamakan Rancangan Pengasingan Lalulintas (Traffic Isolation Scheme) di Selat Melaka. Tujuan rancangan ini ialah untuk memastikan supaya kapal-kapal tangki minyak lalu mengikut lorong yang ditetapkan bagi mereka. Ini akan mengelakkan kemalangan-kemalangan yang mungkin mengakibatkan minyak tumpah ke dalam laut. Satu lagi kaedah ialah melalui penggunaan perkhidmatan pilot apabila menggunakan Rancangan Pengasingan Lalulintas had laju dalam

sekim ini tidak lebih daripada 12 knots diperuntukan dalam kaedah-kaedah itu.

Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat mengenai berapa banyakkah pampasan yang telah diterima oleh Kerajaan mengenai pertumpahan minyak dalam Selat Melaka itu, sehingga sekarang ini hanya pampasan mengenai peristiwa Showa Maru sahaja yang telah dibayar. Pampasan telah dibayar oleh penanggung-penanggung insuran Showa Maru mengenai kos kendalian mencegah minyak itu daripada mengalir ke pantai kita dan mengenai kerosakan-kerosakan kepada perikanan. Amaun yang dibayar kepada Kerajaan ialah \$1.25 juta. Pampasan mengenai kerosakan ekoloji berbangkit daripada peristiwa yang sama belum lagi dibayar, kerana kajian-kajian masih lagi dibuat untuk menentukan berapa banyakkah kerosakan itu. Syarikat insuran berkenaan telah memberi jaminan bahawa mereka akan membayar untuk kerosakan ini apabila sahaja keputusan kajian-kajian itu diketahui.

- (b) Apabila sahaja kita mempunyai kuasa di bawah Covention baru mengenai Undang-undang Laut, kita akan menetapkan untuk membuat undang-undang bagi melarang kapal-kapal tangki minyak yang melanggar had keselamatan.

PEKEBUN-PEKEBUN KECIL GETAH

8. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau berpuas hati dengan penerimaan Pekebun-pekebun kecil getah terhadap konsep baru RISDA dalam penyusunan semula masyarakat pekebun-pekebun kecil getah dalam aspek daya peningkatan pengeluaran getah asli, daya pemikiran yang selaras dengan pembangunan negara, kesihatan dan

keselesaan hidup serta kemajuan pelajaran anak-anak dan sebagainya.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas-hati dengan penerimaan oleh pekebun-pekebun kecil konsep baru Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan getah (RISDA) dalam penyusunan semula masyarakat pekebun-pekebun kecil getah kerana konsep tersebut adalah untuk memajukan mereka itu dalam semua aspek.

Dalam usaha meningkatkan daya pengeluaran getah asli, RISDA telah memesatkan lagi usaha mengembelikan di antara lain-lain Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil (PPPK) rancangan tanaman semula dengan benih-benih yang bermutu tinggi, teknik-teknik menanam dan pengurusan kebun yang kemaskini berdasarkan kepada hasil penyelidikan dari masa ke semasa. Kejayaan dalam usaha ini amatlah menggalakkan. Berdasarkan perangkaan dari sejak tahun 1953 — 1976, keluasan yang telah berjaya ditanam semula ialah seluas kira-kira 1,657,300 ekar. Dari segi pengeluaran juga pengeluaran getah dari pekebun-pekebun kecil juga bertambah kepada 947,000 tan dalam tahun 1976 berbanding dengan 347,600 tan dalam tahun 1965.

Dari segi daya pemikiran yang selaras dengan pembangunan negara pula, usaha RISDA ke arah membentuk pemimpin-pemimpin di peringkat bawah di kalangan masyarakat pekebun kecil sedang dijalankan. Dalam hal ini seramai kira-kira 12,000 ahli PPPK telah diberi orientasi ke arah pemikiran yang selaras dengan pembangunan negara.

Di bidang keselesaan hidup serta kemajuan pelajaran anak-anak pekebun-pekebun kecil, RISDA telahpun mengadakan biasiswa kepada anak-anak pekebun kecil dari peringkat sekolah rendah hingga di peringkat universiti. Selain daripada kemudahan di atas, sebanyak 3 buah asrama anak pekebun kecil

getah diadakan iaitu 2 buah di negeri Kedah dan satu di negeri Trengganu.

Kursus-kursus dan latihan-latihan tempatan untuk kemajuan rumah tangga, kesihatan dan keselesaan hidup sedang dirangka dan telahpun dijalankan di beberapa kawasan melalui PPPK. Kelas jahitan, masakan dan tadika telahpun diadakan dengan kerjasama guru-guru Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Dalam aspek kesihatan RISDA telah juga mengadakan projek tandas curah di kalangan pekebun-pekebun kecil.

Pekebun kecil telahpun sedar tentang mustahaknya mempunyai wang simpanan dan juga pelaburan masa hadapan di kalangan PPPK, serta sifat kerjasama di antara ahli-ahli untuk faedah-faedah bersama. Ini merupakan beberapa bukti bahawa pembaharuan dalam pembangunan masyarakat telah berjaya.

Penerimaan konsep baru RISDA ini dalam menyusun semula masyarakat pekebun-pekebun kecil getah, sangatlah menggalakkan. Walaupun RISDA telah ujud selama 3 tahun namun ia telah berjaya membentuk keyakinan dari pihak pekebun-pekebun kecil getah. Ini jelas sekali memandangkan kepada minat begitu ramai pekebun-pekebun kecil atas penubuhan PPPK di kawasan masing-masing dan penglibatan PPPK di dalam rancangan-rancangan RISDA, di mana pekebun-pekebun kecil dengan sendirinya tampil ke hadapan untuk mengambil bahagian.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa pihak RISDA telah menganjurkan supaya dapat diberi biasiswa kepada anak-anak pekebun-pekebun kecil, apa yang saya ingin mendapat penjelasan iaitu sejauh manakah rancangan ini telah dijalankan oleh pihak RISDA dan sejauh manakah pula pengetahuan pihak pekebun kecil bagi mendapatkan kemudahan

biasiswa daripada RISDA yang dijalankan sekarang.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, cara kita memberi biasiswa-biasiswa kepada anak-anak pekebun kecil untuk pelajaran rendah ialah melalui PPPK yang anggotanya sekarang meliputi 12,000 orang. Jadi, ini bermakna bahawa kebanyakan daripada biasiswa yang diberi sekarang ialah melalui PPPK....

Tuan Yang di-Pertua: PPPK itu apa maknanya Yang Berhormat?

Datuk Musa Hitam: Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil — saya telahpun sebut dalam jawapan saya tadi dan setakat ini 100 biasiswa untuk anak-anak pekebun kecil di sekolah rendah telah diberi. Walau bagaimanapun, untuk anak-anak pekebun kecil ke pelajaran tinggi pihak RISDA telah memberi sebanyak 37 biasiswa dan pelajaran di peringkat universiti.

Bagi mengetahui lebih lanjut maka RISDA telahpun menghebahkan perjalanan biasiswa ini walaupun setakat ini sangat terhad kemampuan RISDA untuk memberi biasiswa dan, insyallah, rancangan sedang digubal supaya lebih ramai lagi anak-anak pekebun kecil akan mendapat keistimewaan dalam bidang ini.

PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

9. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pelajar-pelajar yang belajar di seberang laut, beri pecahan mengikut kaum dan pembahagian pelajar-pelajar di negara-negara berkenaan serta menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan atau MARA.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijawab pada soalan-soalan

seumpama ini dalam sidang Dewan ini yang lalu perangkaan semua pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Seberang Laut sedang dikumpulkan oleh Kementerian Pelajaran dan usaha ini baru saja dijalankan dengan tujuan mendapat maklumat-maklumat yang lengkap dan penuh. Buat masa ini tidaklah dapat saya memberi jawapan yang lebih daripada itu.

PELAJARAN KEPADA KANAK-KANAK

10. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan mengkaji untuk mewajibkan pelajaran supaya kanak-kanak dari keluarga miskin akan menikmati pelajaran dan tidak terpaksa berhenti sekolah disebabkan kemiskinan.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kini Kerajaan bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran selama sembilan tahun, iaitu dari Darjah I hingga Tingkatan III kepada semua kanak-kanak yang ingin bersekolah. Pendidikan peringkat rendah adalah percuma dan kemudahan-kemudahan ini telah diadakan sejak tahun 1962. Pendidikan menerusi aliran Bahasa Malaysia di peringkat menengah, iaitu dari Tingkatan I hingga Tingkatan VI adalah juga diberi dengan percuma. Mengikut dasar sekarang, kelas-kelas di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang bertukar kepada aliran kebangsaan di bawah rancangan alih bahasa, iaitu yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, juga memberi pendidikan percuma. Ini bermakna pada tahun 1977 ini, selain daripada murid-murid dalam keseluruhan aliran kebangsaan, murid-murid di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) juga menikmati pendidikan percuma dari Tingkatan I hingga ke Tingkatan II. Mulai tahun 1978, apabila sistem peringkat menengah rendah keseluruhannya menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sepenuhnya, pendidikan percuma akan dinikmati hingga ke Tingkatan III di semua

SMJK, selain daripada di keseluruhan aliran kebangsaan.

Dalam keadaan seperti yang disebutkan di atas, adalah tidak benar jika dikatakan kanak-kanak miskin terpaksa berhenti sekolah disebabkan oleh kemiskinan mereka. Tambahan lagi pada masa ini semua murid yang betul-betul miskin diberikan kemudahan meminjam semua buku teks yang diperlukan dengan percuma di bawah rancangan Pinjaman Buku Teks Kementerian Pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat peratusan yang paling besar iaitu hampir-hampir 95% daripada kumpulan kanak-kanak yang seumur masuk sekolah di peringkat Darjah I. Ini ialah peratus kemasukan ke sekolah-sekolah bantuan penuh sahaja dan tidak meliputi mereka yang memilih masuk ke sekolah-sekolah swasta. Peratusan ini meningkat dari setahun ke setahun.

Mewajibkan pelajaran untuk semua bukanlah sebaik-baik cara untuk mengatasi masalah murid miskin berhenti sekolah. Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan Nasional memilih pendekatan yang disebutkan di atas dan buktinya kini hampir-hampir 100% kanak-kanak memasuki sekolah tiap-tiap tahun. Dengan pendidikan percuma dan bantuan pinjaman buku-buku teks percuma yang disediakan masalah kanak-kanak miskin berhenti sekolah akan dapat dihapuskan. Oleh demikian, Kerajaan buat masa ini tidaklah bercadang hendak mewajibkan pelajaran bagi semua, lebih-lebih lagi jika langkah itu dimaksudkan untuk mengatasi masalah murid-murid miskin berhenti sekolah.

FILEM-FILEM MELAYU DI TV MALAYSIA

11. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan bahawa untuk mengisi kekosongan filem-filem Melayu yang ditayangkan di TV Malaysia dan

memandangkan ramainya bakat-bakat baru artis tempatan, samada Kerajaan akan menawarkan kepada pengusaha-pengusaha filem Melayu untuk membuat filem-filem Melayu, stage shows, dan sebagainya khususnya untuk siri talivisyen di mana ianya dapat menggalakkan Bumiputra maju ke hadapan dalam bidang filem industri. Walaupun terdapat baru-baru ini filem Melayu yang ditayangkan pada 31hb Ogos, 1977 menunjukkan kecakapan dan mutu yang baik yang diusahakan oleh penerbit-penerbit TV Malaysia sendiri, namun usaha-usaha untuk mengembelikan tenaga hendaklah juga ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha swasta Melayu untuk menjayakannya dengan diberi galakan dan bimbingan oleh Kementerian Penerangan supaya ianya dapat mengisi kekosongan dalam jangka pendek sekurang-kurangnya untuk beberapa waktu. Sekiranya tidak, mengapa.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, sejak pertengahan tahun enam puluhan perusahaan filem Melayu telah menghadapi banyak masalah yang mengancam bukan sahaja mutu pengeluarannya tetapi juga kebolehan perusahaan itu untuk mempertahankan kedudukan bakat-bakat yang telah dicungkil setakat ini. Itulah sebabnya usaha-usaha untuk membangunkan semula perusahaan filem Melayu ini telah dibangkitkan oleh banyak pihak termasuk pihak Kementerian Penerangan, malangnya peranan Kementerian Penerangan dalam soal ini adalah terhad dan hanya berupa sebagai salah satu daripada pihak-pihak yang boleh menyewa filem dengan sewa yang sederhana sahaja dan menolong daripada segi mempertingkatkan teknik pengeluaran filem sedangkan masalah yang dihadapi oleh perusahaan filem Melayu dalam negara ini ialah soal pemasaran yang cukup luas untuk membolehkan perusahaan filem tersebut menandingi dari segi teknikal, pengambaran dan bakat dengan filem-filem asing. Ini sudah semestinya menimbulkan soal panggung-panggung tempat menayangkan filem-filem, soal hari tayangan dalam satu-satu bulan yang boleh

menarik pelanggan-pelanggan orang Melayu sebagai penuntun-penuntun sebahagian besar. Keadaan-keadaan sekarang ini menunjukkan hampir semua panggung-panggung yang ada bermutu tinggi adalah di bawah monopoli syarikat-syarikat yang besar yang belum lagi menunjukkan minat untuk memberi nafas baru kepada perusahaan filem Melayu di negara ini. Oleh sebab itu, apa juga usaha yang boleh mendatangkan kesan untuk menolong pembangunan semula perfileman Melayu mestilah dijalankan dengan secara menyeluruh dan tidaklah boleh dipikul oleh satu Kementerian seperti Kementerian Penerangan sahaja.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, usaha yang sedemikian menyeluruh sedang diusahakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Kementerian saya sendiri. Sementara itu Kementerian Penerangan hanya dapat memberi sumbangan sederhana dengan mengeluarkan drama-drama TV yang dibuat oleh Penerbit-penerbit RTM sendiri dengan menggunakan kebanyakannya rakaman video tape yang lebih murah.

KELINIK BIDAN

12. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa kawasan-kawasan di dalam kampung mengalami kekurangan bidan dan bidan-bidan belum bersuami yang baru mendapat latihan apabila ditempatkan ke kampung-kampung itu sentiasa menghadapi masalah-masalah sosial. Jika ya, samada beliau menimbangkan sesuatu cara latihan kepada wanita-wanita tempatan yang berpengalaman dan mempunyai kebolehan kebidanan, serta membayar mereka apabila mereka mula berkhidmat.

Tan Sri Dato' Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa ke semua Klinik-klinik bidan di kawasan luar bandar adalah dikelo-

lakan oleh bidan. Bidan-bidan juga ditempatkan untuk bertugas di rumah-rumah sewa di kampung-kampung. Ada juga kawasan terpencil yang tidak ada klinik-klinik bidan tetapi ini tidak bermakna bahawa masih terdapat kekurangan bidan. Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan kesihatan luar bandar yang ada sekarang hendaklah diluaskan lagi.

Saya bersetuju ada masalah-masalah sosial yang timbul akibat daripada menempatkan bidan-bidan yang belum berkahwin di kampung-kampung terpencil tetapi masalah ini adalah diatasi di peringkat tempatan.

Kementerian saya sedang mengkaji kedudukan perkhidmatan kesihatan luar bandar yang ada sekarang termasuk juga perkhidmatan-perkhidmatan ibu mengandung. Kajian ini bertujuan untuk mengenalkan kawasan-kawasan yang tidak atau kurang dibekalkan dengan perkhidmatan kesihatan luar bandar supaya dapat merancang rancangan-rancangan Perkhidmatan Kesihatan Asas (Primary Health Care Programmes) bagi kawasan terpencil tersebut. Perkhidmatan Kesihatan Asas adalah sebagai satu langkah sementara sehingga kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar yang kekal dapat diadakan. Oleh yang demikian, bidan-bidan kampung adalah diharapkan untuk memainkan peranan mereka dalam menolong melaksanakan rancangan-rancangan Perkhidmatan Kesihatan Asas yang melibatkan penyertaan masyarakat untuk pelaksanaan yang berkesan. Penyeliaan dan pembekalan ubat-ubat dan kelengkapan asas adalah daripada Kementerian. Tetapi Kementerian ini tidak boleh membayar gaji kepada bidan-bidan kampung tersebut kerana mereka adalah bidan prevet dan bukan kakitangan Kerajaan.

Tuan Hashim bin Ghazali: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah mengatakan peranan bidan-bidan kampung telah menolong kepada Kementerian ini bagi menjayakan hal-hal yang ada kaitan dengan bidan. Saya ingin bertanya

kepada Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar ada terdapat bidan-bidan seperti ini di samping menjalankan tugas-tugasnya sebagai bidan telah pula mengadakan kempen-kempen supaya ibu-ibu mengamalkan perancang keluarga.

Tan Sri Dato' Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu memanglah boleh dikatakan ada kenyataan-kenyataan yang tersebut berlaku, tetapi bukanlah dasar Kementerian Kesihatan ini atau Kementerian yang berkaitan menggalakkan bidan-bidan kampung itu mengambil peranan berkaitan dengan rancangan keluarga. Ini bukan dasar Kementerian saya. Barangkali ini adalah orang-orang yang bertugas untuk mengambil bahagian dengan sukarela, barangkali ada.

Tuan Hashim bin Ghazali: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bidan-bidan kampung tidak diberi arahan supaya mengadakan kempen perancang keluarga bagi ibu-ibu di kampung. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri sedar atas kenyataan-kenyataan yang ada, adakah Yang Berhormat Menteri hendak melarang atau hendak mengadakan satu arahan supaya bidan-bidan kampung tidak dibenarkan mengadakan kempen perancang keluarga.

Tan Sri Dato' Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, negara ini ialah sebuah negara demokrasi. Jikalau ada bidan-bidan yang mempunyai pengetahuan perubatan yang moden sungguhpun mereka itu bukan bidan-bidan Kerajaan akan tetapi ada minat untuk menolong Kerajaan kita supaya perancang keluarga ini akan diperluaskan lagi di kampung-kampung maka Kerajaan berasa berpuashati di atas peranan yang diambil oleh mereka.

PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

13. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:—

- (a) langkah-langkah yang beliau telah ambil untuk menentukan supaya Pegawai-pegawai Perhubungan Perusahaan di dalam Kementerian bertindak tanpa memihak mana-mana pihak dalam sengketa perusahaan dan tidak menyebelahi pihak majikan menentang kesatuan-kesatuan sekerja dan pekerja-pekerja;
- (b) tindakan yang beliau telah ambil terhadap seorang Pegawai Perhubungan Perusahaan, Encik Mohamed Ramly Razali, yang telah bertanggungjawab dalam perkara Malaysia Fancy Plywood and Veneer Co. Ltd. di mana 463 orang pekerja telah hilang kerja mereka sejak bulan Julai lalu tanpa apa-apa bayaran dan Pegawai Perhubungan Perusahaan ini telah memberitahu wakil-wakil pekerja apakala mereka menuntut bayaran daripada syarikat tersebut bahawa "syarikat tersebut bukanlah sebuah jabatan kebajikan" dan beliau juga telah secara terbuka menyebelahi pihak majikan dan ini telah membawa natijah bahawa Kementerian Buruh ialah "alat suara" pihak majikan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pegawai-pegawai Perhubungan Perusahaan yang mendamaikan pertikaian-pertikaian perusahaan sentiasa tidak memihak sesiapa. Tujuan mereka adalah hanya untuk mencapai penyelesaian yang saksama dengan secepat mungkin untuk menjamin keharmonian perusahaan. Saya berpuas hati bahawa pegawai-pegawai ini telah berkhidmatan dengan baik dan sebagai kepastiannya bagi tempoh 6 tahun yang sudah pegawai-pegawai ini dapat menyelesaikan 91.15% pertikaian-pertikaian dengan saksama yakni dengan sukarela majikan dan kesatuan sendiri. Jika seseorang Pegawai Perhubungan Perusahaan cuba menyebelahi mana-mana pihak, maka ia akan

gagal dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian, kerana syornya adalah diterima atau tidak dengan sukarela pihak berkenaan. Oleh yang demikian, tidaklah perlu bagi saya memastikan "impartiality" Pegawai Perhubungan Perusahaan, kerana ini tidak berbangkit.

- (b) (i) Tuduhan Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka bahawa 463 orang pekerja-pekerja telah hilang pekerjaan mereka adalah tidak benar. Apa yang betul ialah kilang ini telah ditutup untuk dibaikan segera kepada "boiler"nya yang rosak. Kerosakan ini adalah disahkan oleh Jabatan Kilang dan Jentera. Fasal 24 dalam Perjanjian Bersama mereka mempunyai peruntukan yang menyatakan "lay-off" tanpa gaji ketika kilang ditutup dalam keadaan seperti "boiler"nya rosak. Walau bagaimanapun, pihak kesatuan menuntut syarikat supaya "lay-off" ini ditafsirkan sebagai "retrenchment" supaya pekerja-pekerja itu boleh mendapat faedah pengenehan atau "retrenchment benefits" mengikut Fasal 25 Perjanjian Bersama mereka. Syarikat tidak sanggup berbuat demikian kerana ia mempunyai tujuan untuk membuka semula kilangnya selepas "boiler"nya dibaiki. Walau bagaimana dengan campurtangan Kementerian saya dan saya sendiri, wang pendahuluan untuk pekerja-pekerja telah diberi oleh majikan sungguhpun Perjanjian Bersama kedua-dua pihak tidak mempunyai peruntukan seperti itu. "Boiler" kilang ini telahpun dibaiki sekarang dan pekerjaan biasa telah dimulakan semenjak 1hb November, 1977 ini. Pekerja-pekerja telah diberitahu oleh majikan melapurkan diri untuk bekerja dan hingga hari ini seramai 130 dari 470 orang pekerja kilang itu telah melapurkan diri untuk bekerja.
- (ii) Fakta-fakta kes ini seperti yang saya nyatakan tadi, adalah jelas

bahawa tiada sebarang pelanggaran tata tertib telah dilakukan baik oleh pegawai berkenaan ataupun pegawai yang lain. Sebaliknya dengan segala usaha telah dibuat untuk membantu kedua-dua pihak mencapai satu penyelesaian atas pertikaian ini. Apa-apa yang telah berlaku dalam mesyuarat-mesyuarat perdamaian adalah bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian itu. Kenyataan dan cadangan yang dibuat oleh Pegawai Pendamai adalah bertujuan untuk membantu kedua-dua pihak dan oleh yang demikian sebarang kenyataan mestilah dipandang dari segi ini dan tidaklah harus disifatkan sebagai "alat suara" sesiapa baik majikan atau kesatuan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar terdapat sungutan-sungutan yang biasa dibuat oleh pekerja-pekerja, bukan sahaja pekerja-pekerja tetapi juga kesatuan-kesatuan sekerja yang terlibat dalam pertikaian perusahaan tentang pendirian atau sikap Pegawai-pegawai Perhubungan Perusahaan yang menyebelahi majikan. Adakah beliau sedar terdapat sungutan-sungutan yang sering berlaku dan kalau beliau sedar, kenapa beliau boleh mengatakan perkara semacam ini tidak berlaku.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar dan saya telah jawab soalan ini tadi.

Tuan Oh Keng Seng: Tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab iaitu Kementerianya tidak ambil side tentang dispute antara pihak majikan dan juga pihak kesatuan. Tetapi saya ada satu masalah di Petaling Jaya di mana GCE subsidiary Syarikat Electrical and Allied Industries Bhd. telah membuang lebih 100 pekerja-pekerja dalam bulan Mei. Hal ini telah dibawa kepada Kementerian tetapi hingga sekarang siasatan belum lagi siap. Apakah sebabnya atas kelewatan siasatan ini?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak ada berkaitan dengan soalan ambil side dan soalan itu adalah soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya bersetuju.

WANG TARUHAN BERSALIN DI HOSPITAL

14. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai ibu-ibu bersalin di Hospital beranak:

- (a) berapakah bayaran dan wang taruhan dikenakan;
- (b) samada seorang yang tiada berkemampuan atau orang miskin adakah dikecualikan daripada bayaran;
- (c) hasil bayaran dan wang taruhan yang diperolehi pada tahun 1974, 1975, 1976 dan hingga sekarang; dan
- (d) jumlah wang taruhan yang tidak dipulangkan kembali pesakit-pesakit tersebut.

Tan Sri Dato' Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bayaran dan wang taruhan yang dikenakan ke atas ibu-ibu yang bersalin di Hospital ialah seperti berikut:

(i) Bayaran untuk bersalin	Kelas I	Kelas II	Kelas III
Cesarean	\$800—\$500	\$400—\$200	Maksima \$100/—
Forceps	\$400—\$250	\$200—\$100	Maksima \$50/—
Breech	\$400—\$250	\$200—\$100	Maksima \$50/—
Biasa	\$300—\$200	\$150—\$100	Maksima \$10/—

(ii) Bayaran Wad

Kelas I	
Bilik sebuah (berhawadingin)	— \$50/— sehari
Bilik sebuah (tak berhawadingin)	— \$40/— sehari
2 buah katil sebilik	— \$30/— sehari
3 buah atau lebih katil sebilik	— \$25/— sehari
Kelas II	
Kelas 2A	— \$15/— sehari
Kelas 2B	— \$10/— sehari

Kelas III	
Kelas 3A	— \$3/— sehari
Kelas 3B	— percuma

(iii) Wang Taruhan

Kelas I	— \$800/—
Kelas II	— \$400/—
Kelas III	— \$30/—

- (b) Ya, pesakit-pesakit yang miskin atau tidak mampu adalah dikecualikan dari semua bayaran.
- (c) Jumlah yang telah dikutip dari bayaran-bayaran hospital dan juga wang taruhan bagi tahun-tahun 1974, 1975, 1976 dan 1977 (sehingga bulan September) di Semenanjung Malaysia ialah seperti berikut:—

1974	1975	1976	1977 sehingga bulan September
\$8,595,922.94	\$8,839,034.53	\$10,332,303.83	\$5,249,322.83

- (d) Tidaklah mungkin ditentukan jumlah wang taruhan yang telah tidak diambil balik oleh kerana wang taruhan itu adalah dikreditkan kepada bayaran-bayaran hospital sebagai hasil (revenue).

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

WAD BERSALIN HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR

15. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat sungutan daripada pesakit-pesakit Kelas Satu Wad Bersalin Hospital Besar Kuala Lumpur yang locing panggilan di bilik-bilik mereka rosak dan tidak dapat digunakan di masa-masa ke-cemasan untuk memanggil jururawat dan jika ya samada tindakan telah diambil untuk membetulkannya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Dato' Lee Siok Yew): Saya sedar bahawa sistem locing panggilan di Wad Bersalin Hospital Besar Kuala Lumpur tidak berjalan dengan sempurna. Oleh yang demikian, sebuah firma prevet telah ditugaskan untuk memperbaikinya pada beberapa ketika. Namun demikian, sistem locing panggilan masih tidak memuaskan. Maka, Bahagian Kejuruteraan Hospital Besar telahpun diarahkan untuk mengkaji dengan teliti dan memperakukan satu sistem locing panggilan yang lebih lengkap dan memuaskan bagi Hospital Besar Kuala Lumpur.

SYARIKAT-SYARIKAT INSURAN

16. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan lesen-lesen perniagaan kontrektor, insuran dan syarikat-syarikat yang telah dikeluarkan kepada bumiputra di Negeri Sarawak dan Sabah hingga sekarang, dan adakah Kerajaan akan memberi lesen-lesen yang serupa kepada bumiputra-bumiputra yang lain di negeri-negeri yang tersebut.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Soalan Ahli Yang Berhormat menyentuh tiga perkara.

Mengenai syarikat-syarikat insuran, setakat ini terdapat sebuah syarikat broker insuran di samping sebuah syarikat insuran yang dipunyai sepenuhnya oleh bumiputra di Negeri Sarawak. Di Negeri Sabah terdapat sebuah syarikat broker insuran yang dimiliki sepenuhnya oleh bumiputra.

Mengenai pengeluaran lesen-lesen baru, permohonan-permohonan akan dipertimbangkan mengikut keadaan.

Maklumat mengenai bilangan syarikat-syarikat boleh didapati untuk seluruh negara tetapi untuk mendapatkan bilangan bagi Sarawak dan Sabah dan juga maklumat-maklumat berkenaan dengan bilangan kontrektor-kontrektor memerlukan masa yang

lebih untuk memberikannya dan ini akan disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat sebaik sahaja perangkaan-perangkaan tersebut diperolehi dengan penuh.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUNAN NEGERI-NEGERI

17. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa banyak daripada peruntukan tahunan yang disediakan bagi Negeri-negeri dan Ajensi-ajensi Kerajaan untuk menjayakan Rancangan Malaysia masih tidak dibelanjakan. Jika ya, apakah sebabnya. Adakah soal kekurangan penyerahan kuasa "delegation of power and responsibility" menjadi satu-satu faktor yang menghalang usaha-usaha ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Adalah benar bahawa terdapat peruntukan pembangunan tahunan yang disediakan bagi Negeri-negeri dan Ajensi-ajensi Kerajaan tertentu kadangkala tidak dibelanjakan sepenuhnya dalam tahun itu juga. Antara sebab-sebabnya ialah seperti berikut:—

- (i) masaalah mendapatkan tapak tanah yang sesuai untuk projek-projek;
- (ii) pemindahan setinggalan-setinggalan yang menduduki tanah yang berkenaan;
- (iii) kekurangan keupayaan merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan oleh beberapa Ajensi Kerajaan; dan
- (iv) kelambatan kedatangan peralatan dari luar negeri.

Oleh yang demikian, kekurangan dalam penggunaan peruntukan tahunan bukanlah semata-mata soal kekurangan penyerahan kuasa dan tanggungjawab kepada Ajensi-ajensi tersebut bahkan juga disebabkan oleh faktor-faktor di luar dugaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar tentang masaalah-masaalah yang dihadapi itu dan usaha-usaha

sentiasa dijalankan di semua peringkat untuk mengatasinya.

MAKTAB RENDAH SAINS/INSTITIUT KEMAHIRAN MARA

18. **Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan dan di manakah letaknya Sekolah-sekolah dan Kolej-kolej MARA, jumlah pengambilan pelajar-pelajar dan bilangan pelajar-pelajar yang ditaja oleh MARA yang kini sedang belajar di luar Negeri.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): MARA mempunyai 2 jenis instituti pelajaran iaitu Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Instituti Kemahiran MARA (IKM). Pada masa ini MARA mempunyai 4 MRSM dan 9 IKM. MRSM terletak di Seremban, Kota Bharu, Kuantan dan Kulim manakala IKM terletak di Alor Star, Sg. Petani, Melaka, Petaling Jaya, Kg. Pandan, dan Jalan Ipoh (Kuala Lumpur), Johor Bahru, Pekan dan Lumut. Jumlah pengambilan pelajar bagi Institusi-institusi ini setakat tahun 1977 adalah sebanyak 2,038 bagi MRSM (sejak tahun 1972) dan 5,250 bagi IKM (mulai tahun 1968).

Jumlah pelajar-pelajar yang ditaja oleh MARA yang sedang belajar di luar negeri pada bulan September adalah 2,393 orang.

KERJA-KERJA BARU

19. **Tuan Loh Fook Yen** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan kerja-kerja baru yang diwujudkan (sila beritahu bidang-bidang awam dan swasta berasing-asing) bagi tahun-tahun 1975, 1976 dan tempoh 6 bulan pertama 1977 dan menyatakan samada hasil-hasil ini telah memenuhi matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, dan jika tidak, nyatakan sebab-sebab mengapa.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Bilangan kerja-kerja baru yang diwujudkan bagi tahun 1975 ialah lebih-kurang 43,000, bagi tahun 1976 sebanyak 139,000 dan bagi tahun 1977 adalah dijangka sebanyak 135,000. Data-data yang berasingan bagi bidang awam dan swasta tidak dapat diberi oleh kerana data tersebut adalah mengikut Keluaran Negara Kasar (Gross National Product).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat matlamat gunatenaga dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah sebanyak 3.5% bagi purata tahunan. Dengan bilangan kerja-kerja baru yang diwujudkan seperti di atas, kadar pertambahan gunatenaga bagi tahun 1976 telah meningkat sebanyak 3.5% berbanding dengan 1.1% dalam tahun 1975. Malangnya dalam tahun 1977 kadar tersebut telah meningkat dengan kadar yang lebih perlahan iaitu 3.3% dan ini masih belum mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga.

Kadar pertambahan gunatenaga yang lebih perlahan dalam tahun 1977 ini, adalah disebabkan oleh pertambahan kegiatan ekonomi negara yang lebih perlahan berbanding dengan tahun 1976 yang disebabkan oleh pemulihan di dalam perusahaan-perusahaan yang bergantung kepada pasaran eksport dan yang banyak menggunakan buruh berikutan dengan kemerosotan ekonomi tahun 1975. Sebaliknya dalam tahun 1977 kebanyakan perusahaan sedang memperkukuhkan kedudukan masing-masing dan ini telah menjejaskan dasar gunatenaga mereka akibatnya permintaan pekerjaan telah meningkat dengan kadar yang perlahan.

EASTERN GARDEN, KUALA LUMPUR

20. **Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa pembayar-pembayar cukai di Eastern Garden, Batu 4, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur sentiasa menderita kerana dengan ketiadaan jalan masuk yang sempurna ke kawasan perumahan

mereka. Jika ya, nyatakan samada beliau akan dapat memperbaiki keadaan itu.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Kementerian ini sedar akan kesukaran yang dialami oleh penduduk-penduduk di Eastern Garden, Batu 4, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur kerana ketiadaan jalan masuk yang sempurna ke kawasan perumahan mereka. Dewan Bandaraya telahpun menghubungi pihak pemaju kawasan perumahan tersebut dan meminta mereka membina jalan masuk ke Taman Eastern serta mengadakan lampu-lampu jalan setaraf dengan syarat-syarat yang diiktirafkan oleh Dewan Bandaraya. Walau bagaimanapun, pihak pemaju perumahan tersebut, nampaknya enggan menjalankan kerja-kerja berkenaan. Oleh itu, segala usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak pemaju mengenai perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Taman Eastern telah dimajukan kira-kira 5—6 tahun dahulu, semasa ianya di luar kawasan Perbandaran Ibukota Kuala Lumpur. Perlu juga diterangkan di sini bahawa penduduk-penduduk di Eastern Garden hanya mula membayar cukai pintu (assessment) sejak 1.1.1977.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (2hb November, 1977)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,643,560,095 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1978 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 tahun 1977, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” (2hb November, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan di atas dua masalah ini disambung sekarang.

3.36 ptg.

Dr. Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan semua lapisan rakyat dalam negara kita mengalu-alukan Belanjawan, 1978. Saya juga mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan Kerajaan kita yang telah memberikan suatu Belanjawan yang sangat memuaskan dan sewajarnya untuk masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan pada awal bahawa dengan

adanya Belanjawan yang begitu baik ini, suasana pelaburan akan bertambah baik khususnya pelaburan asing akan meningkat. Memanglah Malaysia sebuah negara yang sedang membangun, sangatlah perlukan pelaburan negara asing untuk mencapai matlamat ekonomi negara kita.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan asing, kita harus tidak lupa bahawa ada kemungkinan ianya akan membawa kepada negara kita berbagai masalah dan bahaya yang boleh menjadikan krisis politik dan ekonomi. Adalah berlaku di setengah-setengah negara yang mana orang asing yang mempunyai motif politik sentiasa eksploit peluang pelaburan di luar negeri dan di samping itu mereka melibatkan diri di dalam kegiatan politik tempatan dengan cara bawah tangan atau underhand manner.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itu saya mengesyorkan bahawa supaya pelabur asing diarahkan supaya mereka tidak dibenarkan mengambil bahagian di dalam hal ehwal politik tempatan samada dengan cara langsung atau dengan secara tidak langsung. Suatu written code yang jelas adalah sangat perlu diadakan untuk mencegah pelabur dan menentukan bahawa pelabur asing tidak melibatkan diri dalam kegiatan politik tempatan kita. Kita harus sentiasa waspada terhadap kepentingan politik mereka. Kita telah melihat banyak masalah telah diciptakan oleh pelabur asing di negara-negara lain. Salah satu contohnya ialah mereka menggunakan rasuah untuk mengambil anasir-anasir yang tidak baik memasuki perkhidmatan mereka dan taktik seperti ini adalah berbahaya bagi tuan negara (host nations). Kita harus hanya menerima permohonan daripada pelabur asing yang benar-benar hendak melabur dalam negara kita. Kita harus juga menolak pelabur yang telah diadakan apabila kita dapat bahawa mereka menunjukkan tanda motif politik dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membayangkan pengalaman saya sendiri di sebuah ladang getah yang dipunyai oleh orang asing dalam kawasan pilihanraya saya. Pada awal tahun ini saya dengan rakan saya Ahli Dewan Undangan Negeri ingin buat satu lawatan biasa ladang getah yang tersebut tadi, tetapi malangnya kami berdua tidak dibenarkan memasuki ladang itu tanpa sebab-sebab walaupun kami telah berikan notis selama satu bulan melalui pemimpin parti tempatan. Di dalam ladang getah itu adalah didapati tidak kurang daripada 200 pengundi dan kebanyakannya pekerja di dalam ladang itu adalah penoreh getah. Sebenarnya, kami adalah diminta hadir oleh penoreh getah melawat kawasan tersebut kerana mereka menghadapi berbagai masalah dan kesulitan yang perlu kami atasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tindakan yang begitu adalah sedih dan bukan bagi kepentingan kebangsaan kita. Tindakan itu perlu kita condemn itu adalah jelas pada kita semua bahawa pihak ladang itu mungkin ada sesuatu yang mereka hendak menyembunyikan daripada kita Wakil-wakil Rakyat. Barangkali kedudukan kesihatan kawasan adalah buruk, barangkali kedudukan perumahan pekerja-pekerja adalah buruk juga atau sesuatu lain yang lebih serius. Kita mana tahu biar apa pun kita Wakil-wakil Rakyat adalah berkewajipan untuk melawat kawasan kita dan juga mendengar apa-apa yang dibangkitkan oleh pengundi-pengundi kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu contoh yang mana pelabur asing campurtangan dalam hal ehwal politik tempatan yang akan membangkitkan perasaan yang kurang enak dan bermusuhan (unpleasant and hostile). Para pelabur asing tidak ada hak menganggap kawasan pelaburan seolah-olah alam sendiri atau treat as their own kingdom. Hak mereka harus terhad kepada kepentingan pelaburan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dari segi keuntungan yang besar dapat diperolehi dari

pelaburan di negara kita saya mengesyorkan bahawa pihak para syarikat asing khasnya ladang-ladang getah asing harus menjual saham kepada pekerja-pekerja estet supaya para pekerja-pekerja ladang mendapat semangat kepunyaan (sense of belonging). Dengan ini sikap pekerja-pekerja akan berubah dan pada akhirnya hasil juga akan bertambah dan memberi faedah kepada ladang-ladang berkenaan dan juga negara kita keseluruhannya.

3.43 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga pegawai-pegawainya kerana dapat menyiapkan satu laporan yang begitu lengkap dan padat.

Saya tertarik hati dengan ucapan beliau yang mengatakan bahawa tambahan peruntukan adalah perlu untuk menambah lagi keupayaan agensi-agensi Kerajaan bagi melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan juga untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas dasar seperti ini tetapi cuma saya ingin mengingatkan Kementerian ini supaya mengawasi dan berjaga-jaga supaya peruntukan yang diberi kepada agensi-agensi Kerajaan ini tidak disalahgunakan atau tidak dibazirkan.

Saya beri contoh di Pulau Pinang satu badan iaitu satu badan agensi Kerajaan PDC (Penang Development Corporation). Sepatutnya Badan ini ialah dipertugaskan untuk memberi bimbingan untuk menggalakkan kaum Bumiputra melibatkan diri dalam segala bidang perniagaan, perusahaan dan sebagainya. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah sebaliknya. Agensi ini setakat ini cuma melibatkan diri dalam projek-projek yang boleh memberi faedah kepada segelintir manusia sahaja. Badan ini telah membelanja

tidak kurang daripada \$250 juta untuk membina sebuah kompleks yang dipanggil Kompleks Tun Abdul Razak (KOMPTAR) di mana sewa atau jualannya di antara \$18—\$280 sekaki. Muka manusia mana yang dapat mengambil bahagian dan menjejak atau menduduk atau menyewa tempat-tempat ini? Pada hal kalau wang lebih kurang \$300 juta ini digunakan untuk projek-projek lain yang boleh memberi faedah kepada orang ramai, ini lebih baik. Tetapi tidak. Cuma peniaga-peniaga yang kaya sahajalah yang dapat mengambil atau menduduki atau menyewa atau membeli tempat-tempat seperti ini dan di antara mereka yang kaya ini sedikit benarlah muka manusia Bumiputra yang layak.

Selain daripada itu, agensi juga perlu memahami sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru. Pendeknya, kalau badan atau agensi ini bersikap sebagai Sheriff of Nottingham, ini saya kata di Dewan yang mulia ini bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru. Mengambil tanah-tanah rakyat yang miskin dijadikan projek, mendirikan perumahan dan dijual kepada mereka yang berada. Ini bukan Dasar Ekonomi Baru, ini bercanggah. Oleh sebab itulah Kementerian Kewangan mesti mengawasi betul-betul supaya wang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini betul-betul digunakan dengan seadil-adilnya bukan disalahgunakan.

Lagi satu agensi di Negeri Pulau Pinang juga diadakan Majlis Perbandaran. Seluruh negeri Pulau Pinang dibahagi kepada dua Majlis Perbandaran. Majlis Perbandaran Pulau Pinang iaitu seluruh Pulau dan juga Majlis Perbandaran Seberang Prai seluruh Seberang Prai dijadikan kawasan perbandaran. Tujuan Kerajaan menambahkan peruntukan ialah untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lebih baik. Itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi sekarang dengan ujudnya dua Majlis Perbandaran ini bukan sahaja tidak memberi perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lebih baik tetapi merumitkan jentera Kerajaan, menyusahkan orang ramai dan tidak memberi faedah

langsung kepada masyarakat sekalian. Misalnya, Majlis Perbandaran Pulau Pinang bangunan sudah elok, selesa tetapi tidak, oleh sebab ada KOMPTAR tadi iaitu anak daripada Kerajaan Negeri terpaksa Majlis Perbandaran ini menyewa di KOMPTAR untuk memenuhi tempat-tempat yang segelintir manusia sahaja yang dapat menyewa tempat itu dan memberi kesusahan dan kesulitan kepada orang ramai kerana apabila orang ramai hendak bayar bill air dan sebagainya terpaksa kena pergi tempat lain walhal tempat yang asal lebih selesa, lebih sesuai dan tidak menyusahkan orang ramai. Contohnya, dengan ujudnya Majlis Perbandaran Seberang Prai dan Pulau Pinang sekarang sehingga semua samada rakyat, wakil rakyat, pegawai Kerajaan sudah jadi bingung, tidak tahu.

Apabila lampu isyarat jalan rosak contohnya sehabis-habis kecil sekali empat bulan tidak dapat dibaiki kerana tidak tahu tugas siapa untuk membaiki lampu jalan ini. Inilah hasil daripada wujudnya Majlis Perbandaran. Bila orang kampung hendak minta lampu jalan (street lighting) kepada siapakah permintaan ini hendak disalurkan, siapapun tidak tahu sehingga sekarang padahal Majlis Bandaran ini sudah wujud beberapa bulan dan sebelum itu sudah ada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan lebih kurang 2 tahun. Siapa pun tidak tahu tugas siapa untuk hendak membekal atau mengadakan lampu jalan (street lighting). Pada hal tujuan asal ialah untuk memperkemaskan. Road Authority (Penguasa Jalan) sehingga sekarang siapa pun tidak tahu. Tugas siapa untuk hendak membaiki longkang-longkang di tepi jalan ini. Siapa hendak menjaga kebersihan berkaitan dengan kesihatan, adakah Jabatan Kesihatan daripada Majlis Bandaran ataupun Jabatan Kesihatan Kerajaan sendiri belum dipastikan lagi. Inilah contoh-contohnya.

Selain daripada itu kadang-kadang sehingga pelik difikirkan oleh otak kita sendiri; dalam Dewan yang mulia ini juga pada mesyuarat yang lalu telah dibangkitkan perkara ini iaitu perkara anomali; bukan anomali

dalam Lapuran Gaji Kabinet sahaja, anomali juga terdapat di Negeri Pulau Pinang iaitu dalam kawasan Majlis Bandaran Pulau Pinang dan kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Anomalinya oleh sebab seluruh kawasan Seberang Perai yang termasuk dalam kawasan Bandaran maka tertaklukkan kawasan ini kepada undang-undang, peraturan-peraturan yang sesuai bagi kawasan Perbandaran sehingga hendak mendirikan atau hendak menambah anjung rumah di hujung bendang sana terpaksa kena ada pelan, kalau tidak ada pelan rumah ini rumah haram dan akan dirobuhkan. Tiap-tiap rumah dalam kawasan Majlis Bandaran terpaksa membayar assessment kepada Kerajaan ataupun kepada Majlis Bandaran. Apakah perkhidmatan balik yang diberikan kepada mereka ini, tidak ada. Apakah service in return yang diberikan kepada mereka ini, tidak ada. Jadi yang menimbulkan anomali ialah kawasan yang bersempadan dengan Kedah Selatan, Perak Utara mereka dalam Negeri Kedah dan Perak ada air, ada lampu, buat rumah, tambah sedikit-sebanyak tidak kena pelan, tetapi kawasan-kawasan nasibnya tidak baik duduk dalam kawasan Seberang Perai dikehendaki mengadakan pelan sungguhpun jalanraya belum sampai, air belum sampai, lampu belum sampai. Inilah yang saya katakan daripada mula-mula tadi menjadi bingung kepada kita semua. Kita sendiri tidak tahu tentang mana yang salah. Kalau lampu isyarat jalan rosak mengambil masa tiga atau empat bulan untuk hendak membaiki kerana Jabatan Kerajaan tidak tahu tugas siapa saya katakan di Dewan yang mulia ini tentulah ada cacat sistem pentadbiran. Oleh sebab itu, saya mengingatkan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya berjajaga apabila hendak memberi peruntukan kepada agensi-agensi dan badan-badan ini supaya jangan wang ini digunakan sematamata untuk keselesaan pegawai-pegawai sahaja ataupun untuk menambah atau menaikkan imej badan-badan yang saya sebutkan tadi, kerana motto di Pulau Pinang ialah Penang leads, apa-apa benda mesti Penang leads. Jadi, jagalah supaya dalam usaha

hendak memenuhi motto Pinang leads ini supaya wang Kerajaan jangan disalahgunakan dan jangan membazir.

Saya juga tertarik hati dengan ucapan beliau yang mengatakan bahawa peruntukan untuk keselamatan dan pertahanan akan ditambah lagi dan saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota-anggota pasukan keselamatan kita samada tentera ataupun polis kerana mereka telah menjalankan tugasnya dengan begitu cemerlang tanpa menghiraukan keselamatan, kebajikan dan juga kedudukan mereka serta anak isteri mereka. Oleh sebab itu, saya berasa amat kesal dan berasa dukacita kerana dalam Dewan yang mulia ini juga telah dilemparkan tuduhan-tuduhan yang mengatakan pihak polis telah berat sebelah, tidak jujur, tidak ikhlas dan pilih bulu untuk mengambil tindakan, saya rasa amat kesal kerana saya yakin dan percaya tuduhan-tuduhan ini bukanlah berasas kepada faktor-faktor atau kenyataan, cuma berasaskan kepada emosi dan sentimen. Macam manakah anggota polis hendak mengenal samada si anu itu UMNO atau si anu itu PAS. Adakah ditulis di dahi: ini UMNO, jangan sentuh. Ini PAS boleh sentuh. Saya yakin bukan terutama sekali dalam krisis di Kelantan baharu-baharu ini banyak anggota-anggota polis yang dibawa daripada luar, mereka ini tidak kenal siapa, cuma mereka kenal ialah mereka yang membuat kesalahan. Ini saya yakin kerana saya sendiri ada pengalaman dalam hal ini.

Pada tahun 1959 lagi lebih kurang 18 tahun dahulu, saya juga biasa bertugas menjaga keamanan, semasa kempen pilihanraya, tetapi pada masa itu kita tidak pilih pula samada itu UMNO atau PAS. Kalau tahun 1959 sikap polis macam itu, saya yakin dan percaya sekarang sama ataupun lebih elok daripada dahulu. Oleh sebab itu, saya berasa kesal kerana Dewan yang mulia ini telah dicemarkan dengan mengeluarkan tuduhan-tuduhan yang mereka ini tidak dapat peluang untuk membela diri sendiri. Dewan ini bukan

tempatnyanya untuk hendak tuduh-menuduh. Dan apakah kaitannya dengan pucuk pimpinan di Kuala Lumpur apabila mereka ini tidak menjalankan tugas dengan sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh mereka yang tertentu. Macam mana kita hendak tahu bahawa seseorang manusia itu tidak ada keikhlasan, tidak ada kejujuran, kerana keikhlasan dan kejujuran terlibat hati perut manusia dan kita sebagai hamba Allah belum sampai ke peringkat untuk menembusi hati perut manusia, cuma Tuhan sahaja yang maha mengetahui — innahu wassamiul alim — bukan manusia. Oleh sebab itu, mestilah kita berjaga-jaga dan cermat sedikit apabila hendak membuat tuduhan, takut kalau-kalau perbuatan kita itu dimurkai Allah subhanahu wa taala.

Berkaitan dengan polis juga, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada tersiar dalam surat-khabar bahawa seorang balu polis terpaksa melacurkan diri untuk membiayai anak-anaknya sekolah. Kalaulah lapuran ini betul, kita berasa amat sedih, kerana kita sanggup membiarkan pahlawan-pahlawan kita atau balu pahlawan-pahlawan kita berbuat satu perkara yang begitu hina yang dikutuk oleh Allah dan juga manusia. Oleh sebab itu kita mesti cari satu jalan supaya askar-askar kita, pejuang-pejuang kita apabila mereka mati, anak-anak isteri mereka akan dibela, akan dijaga, tidak semestinya kita biarkan mereka ini melacurkan diri kerana untuk membiayai anak-anaknya sekolah dan saya harap samada Pasukan Polis ataupun Persatuan Bekas-bekas Polis akan mengambil satu tindakan untuk mengelakkan perkara ini berlaku. Ini bukan sahaja malu terhadap balu tersebut tetapi kita juga berasa malu kerana kita membiarkan balu pahlawan-pahlawan, pejuang-pejuang kita jadi sebegitu. Mengapa? Tentu ada cacat dalam sistem kita kalau kita biarkan perkara itu berlaku.

Saya juga, berasa gembira kerana Menteri Kewangan akan menambahkan peruntukan untuk rancangan-rancangan pertanian dengan tujuan menambahkan daya pengeluaran di

kawasan-kawasan pertanian. Dalam Dewan yang mulia ini banyak dibangkitkan berkaitan dengan masalah petani-petani supaya harga padi dinaikkan. Kalau kita fikir seorang cuma membelanjakan tidak lebih daripada 50 sen satu hari untuk membeli beras dengan harga sekarang; tidak lebih daripada 50 sen dua kali sehari makan, benda yang sebegitu adalah perlu kepada kita. Tetapi sebelum kita dapat beras yang berharga 50 sen itu, perlu kita timbangkan, berapa banyakkah peluh petani-petani yang keluar sebelum boleh mendapat hasil itu. Jadi kalau harga padi dinaikkan sekalipun, pada fikiran saya ini satu perkara yang wajar, kerana kita sanggup membakar \$1.00 lebih satu hari untuk menghisap rokok tetapi kalau begitu sedikit kita belanja untuk beras dan difikirkan setakat itupun akan membebankan nelayan-nelayan, penoreh-penoreh getah, kita mestilah cari satu jalan di mana petani akan mendapat lebih dan harga beras akan naik. Oleh sebab itu, saya syorkan kepada Kerajaan supaya memberi bonos ataupun elaun ataupun peruntukan kepada pesawah-pesawah yang mengusahakan sawah padi berdasarkan kepada banyaknya pengeluaran padi.

Misalnya, kalau harga padi sekarang \$30.00 seguni, saya ingat tidak akan jadi beban kepada Kerajaan kalau memberi kepada hamba Allah itu \$5.00 tambahan. Harga padi tetap \$30.00 tetapi tiap-tiap seguni beras dia bawa pergi jual, dia dapat keluar daripada bendang, beri dia \$5.00 atau \$3.00. Tetapi kepada orang yang berusaha sendiri, bukan kepada tuan tanah. Kalau kita beri kepada tuan tanah, pesawah yang berusaha ini tidak dapat faedah juga. Oleh sebab itu, saya syorkan kita berilah sedikit, sebab negara kita ini kaya. Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan bahawa kedudukan kewangan kita begitu kukuh, sehingga kita dapat menambahkan lagi perbelanjaan pada tahun ini. Kalau keadaan kewangan kita kukuh, saya tidak nampak mengapa kita tidak dapat mengeluarkan sedikit peruntukan untuk memberi kepada mereka ini yang mengeluarkan padi berdasarkan kepada guni dan

kepada mereka yang betul-betul berusaha, bukan kepada tuan tanah.

Dalam hal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ataupun pihak Kerajaan mesti cari satu jalan untuk mengusahakan tanah-tanah yang telah ditinggalkan dan tidak dapat diusahakan oleh tuan-tuan tanah sendiri. Pada fikiran saya pihak Kerajaan patut memberi bantuan untuk memulihkan semula tanah-tanah ini supaya tanah ini dapat digunakan semula dan dengan ini akan menambahkan lagi pengeluaran dan saya minta Kementerian Pertanian supaya mengambil berat di atas hal ini kerana merebaknya kawasan yang tidak boleh diusahakan begitu cepat sehingga kadang-kadang kita sendiri tidak percaya.

Misalnya tahun 1975 di satu kawasan di tempat saya cuma ada 120 ekar tanah sawah yang tidak boleh digunakan. Pada tahun 1977 sudah meningkat kepada 480 ekar. Ini cuma satu kawasan, banyak lagi kawasan-kawasan lain. Padahal pada tahun 1974 kalau Kerajaan mengeluarkan sedikit peruntukan, saya ingat tidak lebih daripada \$50,000; kawasan yang 120 ekar pun dapat diusahakan dan kawasan yang saya katakan bertambah lebihkurang 480 ekar itu tidak akan timbul. Tetapi oleh sebab pemikiran kita berlainan, jadi sekarang daripada 120 ekar dalam masa dua tiga tahun, tidak sampai 3 tahun setengah sudah meningkat kepada 480 ekar dan inilah sarang-sarang tikus dan tikus sekarang bukan macam dahulu lagi. Tikus dahulu ia bergerak lain, sebab dalam bendang ada bahan-bahan makanan untuk tikus hidup, tetapi sekarang oleh sebab dugaan racun serangga dan sebagainya, tidak ada bahan-bahan lain untuk tikus makan kecuali padi sahaja. Oleh sebab itu Kementerian Pertanian mesti cari satu jalan untuk mengatasi masalah ini dan kalau daya pemikiran ataupun idea itu tidak ada kepada pegawai-pegawai, silalah berhubung dengan pesawah-pesawah, petani-petani; mereka ada cara dan jalan, cuma ongkosnya sahaja tidak ada. Sila berhubung dengan mereka, jangan malu, tidak semestinya

pesawah padi itu bodoh dan tidak semestinya Pegawai-pegawai Pertanian itu lebih pandai, lebih cerdas daripada pesawah-pesawah padi. Misalnya padi Mat Candu; padi Mat Candu bukan dicipta oleh MARDI — tidak, dicipta oleh pesawah yang tidak biasa jejak bangku sekolah. Jadi oleh sebab itu masalah ini mesti diatasi, masalah tanah yang tidak boleh diusahakan dan masalah tikus dan untuk menyelesaikan masalah ini, kalau cuma Pegawai duduk dalam pejabat sahaja, saya yakin perkara ini tidak dapat diselesaikan. Mestilah pergi berunding dengan pesawah-pesawah sendiri kerana mereka lebih tahu dalam hal ini.

Apabila kita menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pertanian, saya sentuh juga Jabatan Perikanan dan MAJUIKAN.

Baru-baru ini kita baca dalam suratkhbar bahawa usaha MAJUIKAN untuk memperbaiki taraf hidup nelayan-nelayan di Kuala Juru di Sungai Sembilang telah digagalkan kerana kerang-kerang yang disemai habis mati. Jadi datanglah pakar-pakar daripada Universiti Sains, Jabatan Perikanan dan sebagainya. Ada yang menyatakan kerang-kerang ini mati kerana tidak cukup air masin, percentage Salinitynya kurang. Ada pendapat bahawasanya kerang-kerang ini mati hasil daripada pencemaran. Dan pendapat ini ialah satu pendapat yang dipersetujui oleh nelayan-nelayan sendiri iaitu kematian kerang-kerang ini bukanlah kerana air masin tetapi ialah kerana kekotoran air laut hasil daripada pencemaran kilang-kilang yang didirikan di kawasan-kawasan tertentu. Saya percaya pendapat nelayan-nelayan itu kerana susah hendak diterima oleh akal bahawasanya kerana hujan lebat air laut sudah jadi tawar. Susah hendak diterima oleh akal. Kalau air laut atau air muara sungai boleh jadi tawar kerana hujan lebat mesti ada silap di mana-mana. Dan saya tidak percaya bahawa kerang boleh mati dengan kerana tiga empat jam atau lima enam jam hujan lebat turun. Kalau kita sendiri pergi ke pasar pukul 10.00 pagi, kita masih terdapat kerang-kerang yang masih

hidup. Pada hal kerang ini sudah dibawa ke pasar lebih empat lima jam sebelum itu, tetapi masih hidup. Ini pula kerang dalam air boleh mati. Sebab itu saya tidak boleh terima dan saya tidak percaya pendapat pakar yang menyatakan bahawa kerang mati hasil daripada kurangnya air masin.

Saya menyatakan di sini bahawa kerang-kerang mati ini ialah kerana pencemaran bukan kerang sahaja, ikan sendiri pun mati. Kalau kita pergi tengok di tempat-tempat ini, saluran-saluran yang dikeluarkan daripada kilang-kilang menghala ke sungai dan ke laut jangan kata ikan, manusia pun boleh mati! Tidak ada satu binatang atau benda boleh hidup dalam air seperti itu. Ini pokok pangkalnya. Kita mesti tahu tentang mana yang silap. Jangan kalau silap misalnya sakit di kepala, kita ubat di kaki. Tidak akan berhasil. Oleh sebab itu, perlu sangat kalau betul-betul Kerajaan hendak menolong nelayan-nelayan yang mana mata pencarian mereka hanya itu sahaja — ke laut, mengapakah tidak cari satu jalan supaya air yang dikeluarkan dari kilang-kilang ini tidak akan mencemarkan sungai-sungai, laut dan sebagainya. Gunakanlah kepakaran, kepintaran sains dan teknologi untuk mengatasi masalah ini. Tetapi sekarang tidak, inilah yang amat mendukacitakan. Tidak siapa yang akan menghalang kemajuan. Semua kita hendak kemajuan. Kita hendak pembangunan. Tetapi janganlah dengan usaha kita hendak membangun, kita cari orang untuk menjadi mangsa, kerana mereka ini dhaif. Walau dhaif sekalipun, mereka juga memberi satu undi kepada tiap-tiap seorang. Samada mereka dhaif ataupun kaya. Jadi dalam usaha membangun, janganlah menjadikan mangsa kepada mereka ini. Dan pegawai-pegawai pertanian dan perikanan mesti ambil berat. Jangan duduk dalam bilik air-conditioned sahaja. Ini yang terdapat. Saya tidak tahu di lain tempat. Tetapi di Pulau Pinang saya berani berkata di sini, berapa kali Pengarah Pertanian pergi ke bendang dalam satu tahun? Tidak payah cakup satu bulan, satu tahun!

Saya juga tertarik hati dengan ucapan Yang Berhormat Menteri yang menyatakan "Adalah menjadi objektif yang utama dalam pembangunan negara kita untuk menyediakan perumahan yang cukup, terutama sekali bagi golongan-golongan yang berpendapatan rendah." Memang sedap atau selesa didengar. Oleh sebab itu kita harap supaya hasrat Menteri yang berkenaan dan hasrat Kerajaan betul-betul dapat dijalankan dan dapat dinikmati oleh mereka yang berpendapatan rendah.

Berkenaan dengan MBSB juga Kerajaan mesti mengawasi kerana Kerajaan membiayai dan memberi pinjaman kepada MBSB untuk menyelia dan mengendalikan projek-projek perumahan harga rendah. Kerajaan mesti menentukan supaya pembahagian kerja, bukan rumah — pembahagian kerja sebelum rumah disiapkan mestilah mencerminkan dasar Kerajaan samada kerja guaman, jurukur, jurubina dan sebagainya mestilah mencerminkan Dasar Ekonomi Baru. Janganlah dibiarkan kepada pemaju-pemaju perumahan sahaja untuk menentukan kepada siapa kerja ini hendak diberi. Kerajaan mestilah mensyaratkan supaya MBSB mensyaratkan kepada pemaju-pemaju perumahan ini supaya memberi kerja-kerja ini sama rata mencerminkan Dasar Ekonomi Baru. Bukan mencerminkan dasar pemaju-pemaju perumahan, tidak, kerana ini adalah peruntukan Kerajaan yang diberi pinjam kepada MBSB dengan kadar faedah yang begitu rendah.

Dalam Dewan ini ada juga ditegur berkenaan dengan Kementerian Penerangan. Saya bersetuju bahawa kalau kita menghadapi peti TV sekarang, kita nampak qualiti begitu rendah. Sehingga kadang-kadang hendak baca pun teragak-gagak dan mestilah sebaran am ini terutama sekali TV Malaysia menambahkan lagi tayangan-tayangan 'Peristiwa'. Sebab sekarang tidak langsung 'peristiwa'. Mestilah banyakkkan lagi siaran 'Peristiwa' dalam talivisyen. Apa yang kita dapati lepas berita dalam talivisyen sekarang, bukan peristiwa. Kalau setakat minum teh,

jamuan makan ini bukan peristiwa. Apa yang kita hendak ialah betul-betul rancangan peristiwa. Bukannya peristiwa yang bukan peristiwa. Setakat minum teh dan jamuan, ini bukan peristiwa, ini perkara biasa. Kalau boleh tidak payahlah tunjukkan benda-benda ini dalam rancangan 'peristiwa'. Tunjukkan perkara-perkara yang betul-betul peristiwa. Kalau tidak, tak payah tunjuk langsung. Dan begitu juga Drama Minggu ini. Tunjukkan benda-benda yang sekurang-kurang kalau orang atasan tidak boleh faham, orang bawah boleh faham, kalau orang bawah tidak boleh faham, orang pertengahan boleh faham. Ini orang bawah tidak faham, orang atas tidak faham, orang pertengahan pun tidak faham. Jadi siapa yang hendak tengok? Nasib baiklah ada tiga saluran talivisyen kita. Saluran pertama, saluran kedua, dan saluran tutup terus. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil berat dalam hal ini dan ambil perhatian sedikit, sebab teguran ini bukan kerana kita hendak tegur sahaja. Kita sendiri boleh tengok dalam talivisyen kita. Kalau kita tengok quality drama kita; tidak ada. Rancangan 'Peristiwa', apa yang ditunjuk dalam 'Peristiwa' — bawa bunga manggar, tepuk kompang, minum teh, makan nasi. Ini bukan 'Peristiwa', Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita hendak ialah betul-betul 'Peristiwa'.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Bill ini dan mengucapkan terima kasih.

4.21 ptg.

Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Indar (Kinabatangan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dalam menyokong Belanjawan tahun 1978, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dapat mengemukakan Belanjawan yang tidak membebankan rakyat seluruhnya. Inilah kali

pertama satu Belanjawan yang mendapat sambutan dan sokongan rakyat dari segenap pihak.

Kita sedia maklum bahawa forecast ekonomi bagi tahun 1978 menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi dunia adalah begitu perlahan. Ramalan juga menunjukkan bahawa economic recession akan menimpa tahun 1979, satu perkara yang tidak dapat dielakkan.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan mempunyai hasil bahan-bahan utama yang terpenting dan terbesar di dunia, ada baiknya perancang-perancang ekonomi kita membuat penyelidikan dan kajian bagaimana tekanan himpitan ekonomi akan menimpa negara kita pada tahun 1979 kelak. Ini didasarkan bahawa pengeluaran ekonomi dunia bagi negeri-negeri, seperti Amerika Syarikat, Germany dan Britain tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membanyakan tanaman hasil utama negara, koko dan kopi serta teh hendaklah diutamakan. FELDA telah ditugaskan untuk membuka tanah seluas 100,000 ekar. FELDA mempunyai segala tenaga dan kepakarannya dan sudah tentu ia boleh menjayakan rancangan ini secara besar-besaran. Negeri Sabah mempunyai tanah yang begitu luas dan subur. Kajian juga boleh dibuat untuk membanyakkkan rancangan tanah FELDA di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal inflasi atas kenaikan kadar sebanyak 4.6% bagi tahun ini, simpanan luar negeri hendaklah ditambah. Hasil eksport kita hendaklah dilipatgandakan, walaupun kita tahu bahawa ekonomi dunia berjalan begitu perlahan, tetapi perancang-perancang ekonomi kita boleh memikirkan cara yang lebih rasional untuk mendapat pasaran yang lebih banyak di luar negeri daripada yang ada sekarang ini. Kita hendaklah bergerak cergas — active trading partners untuk pasaran hasil utama kita di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, soal mengawal kenaikan harga barang-barang adalah perkara yang perlu dan penting pada masa ini. Di mana-mana sahaja, di luar bandar atau di pendalaman, soal yang diperkatakan ialah kenaikan harga barang-barang. Orang-orang yang berpendapatan rendah, adalah yang paling teruk sekali menerima tekanan ini.

Langkah yang dibuat oleh Kerajaan sekarang ini adalah satu langkah yang bijak. Dalam pada itu, saya rasa ada baiknya kawalan yang rapi dikenakan kepada pengilang-pengilang, atau penguasah barang-barang kilang. Kenaikan harga barang-barang adalah disebabkan punca utama hasil keluaran barang-barang dari kilang. Sekiranya pengeluaran barang-barang dari pengilang-pengilang ini tidak dapat dikawal, maka saya rasa adalah sukar sekali bagaimana Kerajaan dapat mengawalinya. Ia berkait dengan pembekal atau pemborong, dan selepas itu barulah sampai kepada pengguna-pengguna. Senjata yang paling kuat ialah di tangan pengguna-pengguna. Tetapi sekiranya pengguna-pengguna dapat mengadakan Persatuan Pengguna sekalipun, kalau pengilang-pengilang tidak mengendahkan seruan Kerajaan, maka tindakannya adalah sia-sia belaka.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ini dapat dibuat, saya percaya harga barang-barang dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah diuntukkan sebanyak \$1,726 juta. Ini ialah satu peruntukan yang besar sekali dibandingkan dengan Kementerian yang lain. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan menumpukan perhatian yang berat terhadap pelajaran sebagai satu pelaburan yang sangat berguna. Kita tahu bahawa melalui pelajaranlah seseorang itu dapat mencapai tingkat penghidupan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah beribu-ribu penuntut sedang mengikuti pelajaran tinggi. Satu hakikat yang nyata ialah menyatupadukan rakyat. Ini dapat dilakukan

melalui integrasi penduduk melalui pelajaran. Maka dengan kerana itu pelajaran adalah memainkan peranan utama dalam membangunkan sesebuah negara. Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran akan mengadakan lebihkurang 600 bilik darjah untuk sekolah menengah dan 1,100 untuk kelas-kelas baru pelajaran rendah. Memandangkan negeri Sabah sebagai sebuah negeri yang sedang pesat membangun, perkembangan sekolah rendah dan menengah juga perlu ditambah dan diperbanyakkan terutama sekali di kawasan — pedalaman. Saya berharap ianya dapat dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan.

Untuk mengakhiri, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong sepenuhnya atas Belanjawan, 1978.

4.31 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 untuk mengemukakan beberapa perkara yang saya fikir penting tindakan diambil supaya dapat memberi penyelesaian kepadanya.

Negara kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun adalah menghadapi berbagai masaalah dan soalan bukan hanya cara mana yang berkesan untuk mengurangkan masaalah bahkan cara mana yang lebih cepat untuk menentukan keadaan tidak bertambah buruk akibat masaalah-masaalah itu. Kita hanya mempunyai satu sumber yang asli iaitu tanah yang luas dan subur tetapi kita kurang tenaga yang mahir, infrastruktur yang baik dari segi fizikal dan kewangan. Bertambah pula penduduk di Malaysia kian bertambah setiap tahun dan ini telah menambah pula bilangan pengangguran. Keadaan ini berlaku dalam negara yang berada dan sedang membangun tetapi mempunyai masyarakat yang berlainan corak dari negara kita Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang kaum sebagai satu tanda penjajahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh kerana keadaan politik hari ini dan dengan izin. Rakyat di Malaysia ataupun di luar tahu Parti Kebangsaan Sarawak sudah membangkang selama 10 tahun dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun kami membangkang tetapi kami juga akan berfikir dengan sedalam-dalamnya dan kami mempertahankan nama Malaysia supaya tiap-tiap rakyat di Malaysia khasnya rakyat di Sarawak dengan puas hati mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan Malaysia. Sekarang masa sudah tiba Rancangan Malaysia Ketiga dan harapan rakyat terutama sekali di Sarawak akan menyokong segala usaha yang boleh membawa perkembangan ekonomi dan sosial kepada mereka. Parti Kebangsaan Sarawak telah berunding selepas pilihanraya 1974. Perundingan ini mengambil masa lebih satu tahun dan perkara-perkara yang dikehendaki oleh Parti Kebangsaan sudah diterima penuh oleh pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak. Parti Kebangsaan masuk Barisan Nasional lebih kurang baru dua tahun. Selama dua tahun yang lepas ini kritik-kritik di luar bandar sudah bertambah baik kerana sekarang ini banyak rancangan-rancangan yang perlu sudah berjaya dan banyak lagi rancangan kecil yang akan dilaksanakan dalam tahun 1978. Inilah kemahuan rakyat di Sarawak. Inilah mencerminkan Parti Kebangsaan Sarawak menjadi komponen parti dalam Barisan Nasional ada tujuan yang besar kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati rakyat di kawasan saya menyokong penuh terhadap Parti Kebangsaan Sarawak menjadi komponen parti dalam Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Hussein Onn dan Kabinetnya. Rakyat di luar bandar juga tidak ada kebimbangan walaupun ada berbunyi parti baru yang akan ditubuhkan di Sarawak dan ada juga berlaku ahli-ahli dari komponen parti Barisan Nasional sendiri yang akan mengambil kesempatan menjalankan kempen-kempen mereka di luar bandar.

Saya memulakan perbincangan dengan sedikit perkataan di atas ini, kerana kesedaran di atas bunyi-bunyi politik dan soalan yang terdengar sekarang ini. Berbagai golongan telah menggalakkan bunyi-bunyi itu untuk mengambil kesempatan apabila mereka fikirkan pilihanraya mungkin tidak jauh dari ambang pintu. Di Sarawak, bunyi politik telah kita baca dalam suratkhbar tempatan yang sudah menyedihkan orang-orang tempatan, issue-issue yang telah ditimbulkan memanglah issue yang tunggal di negeri itu. Seperti yang kita baca dalam kamus bahawa politik sebagai satu alat untuk membolehkan perjalanan di atas masaalah, dan kita juga mengetahui bahawa Kerajaan ialah petugas untuk melaksanakan dasar dan kehendak rakyat untuk mengurangkan masaalah yang dihadapi oleh rakyat. Rakyat di Sarawak selepas mendengar dan membaca perkembangan politik yang baru iaitu pertikaian kata di dalam suratkhbar, telah bertanya samada interpretasi asas politik itu telah hilang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya tahu bahawa ada banyak perbuatan-perbuatan yang telah menyebabkan persoalan. Memang diketahui adanya kesilapan dalam pelaksanaan dasar dan pentadbiran negeri. Tetapi inilah sebabnya perhatian ahli politik dan pentadbiran untuk memahami dan sejauh mana yang boleh menyelesaikan masaalah yang sering berlaku dan di dalam masa itu juga mempelajari cara mana yang lebih berkesan untuk kepentingan semua. Sefahaman dan saling-mengerti adalah penting begitu juga fahaman di atas angka yang menunjukkan bilangan yang berada dan yang tidak berada, bilangan yang mempunyai hak yang besar dan yang bukan, bilangan yang menduduki tempat dan kawasan di mana ada banyak kemudahan asas yang dapat menambah kehidupan baik kepada penduduk itu, adalah penting. Hanya kesedaran di atas banci bilangan dan kesedaran di atas angka-angka tertentu yang menunjukkan keadaan di antara yang kaya dan orang miskin yang boleh melanjutkan

keadaan yang baik sekarang, dan membawa masyarakat ke masa depan dengan cukup keyakinan.

Adalah sebagai satu di antara bunyi-bunyi di kedai kopi di negeri Sarawak issue "tanah untuk orang yang tidak mempunyai tanah" sehingga di rumah panjang ada juga bunyi "perniagaan untuk orang yang tidak berniaga". Inilah buruk keadaan tidak terkawal jika sebarang pihak dan pimpinan menyebabkan soal yang sensitif. Di negeri saya, jika kita pergi jauh ke dalam nampak sangat siapa yang memegang kekayaan. Perniagaan walaupun begitu kecil seperti kedai di kampung sekiranya dimulakan oleh seorang Bumiputra tidak lama akan hanyut mati lemas. Bumiputra mempunyai tanah yang besar tetapi dasar pertanian yang berada sekarang tidak membawa kesan yang diinginkan. Dasar pertanian masih lagi bercorak *ad hoc*. Latihan dalam petani moden yang diberi kepada petani-petani muda, tidak memuaskan dan begitu perlunya dasar ini dikaji semula supaya diganti dengan yang baik dan berkesan. Pegawai-pegawai pertanian di pejabat Pertanian sebagai pegawai luar ada menanggung beban dan tanggungjawab yang besar untuk menengok supaya dasar Kerajaan betul-betul dilaksanakan. Mereka ini tidak dapat menjalankan tugas seperti yang dikehendaki kerana kekurangan wang untuk perjalanan. Lapuran-lapuran yang diberi oleh pegawai-pegawai ini mungkin tidak dibaca oleh pegawai tinggi. Hasilnya ialah kelemahan bukan sahaja pejabat dan jentera Kerajaan itu, bahkan kelemahan yang serius di kalangan petani. Mereka masih tidak mengetahui secara moden dan mereka menggunakan cara-cara lama mengakibatkan mereka kais pagi untuk makan pagi, kais petang untuk makan petang. Malangnya dengan bilangan penduduk yang telah bertambah kais pagi, itupun susah hendak dicari.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Kerajaan dan Barisan Nasional dan saya juga menyokong segala usaha yang boleh membawa perasaan yang baik dan kehidupan yang mesra

kepada orang ramai. Saya juga menyokong tanggungjawab yang serius ke arah membasmi kemiskinan. Pertanian adalah satu sumber kekayaan di negara kita. Bilangan penduduk yang bergantung nyawa kepada pertanian begitu besar. Itu sebabnya saya memohon supaya kita membuang segala kelemahan dalam dasar ini, dan menukarkan kepada dasar yang baru. Saya beri satu contoh lagi iaitu sekim subsidi lada hitam, perikanan air tawar, dan tanaman padi di tanah bawahan sebagai sumber kehidupan penduduk luar bandar. Baru-baru ini ada kedengaran permohonan telah dihantar kepada Kerajaan supaya cukai eksport lada hitam dikurangkan. Saya sebagai orang yang mengetahui tanaman lada hitam, telah merayu di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan bertindak kepada tanaman asas. Saya telah merayu supaya dasar tanaman lada hitam dalam sekim subsidi diperbaiki. Sampai kini keadaannya buruk masih berlanjutan. Baja dan racun serangga telah bertambah mahal sejak negara kita menghadapi inflasi dan tidak juga turun-turun sungguhpun keadaan inflasi telahpun kurang. Bahan-bahan asas kepada tanaman lada hitam ini mahal menyebabkan keluaran tanaman berkurangan tahun demi tahun. Jadi walaupun Kerajaan menunaikan rayuan daripada golongan yang ingin mengurangkan cukai eksport penduduk khususnya petani lada hitam akan tidak merasa kesan di atas tindakan Kerajaan itu. Saya mengambil kesempatan ini merayu kepada Kerajaan supaya bahan-bahan asas kepada petani-petani iaitu, baja tidak dijual mahal, jika ada cukai yang dikenakan ke atas bahan itu supaya cukai itu dapat ditarik balik, dan menengok supaya pasaran baja itu tidak dipermainkan oleh orang-orang tengah.

Begitu juga saya merayu di atas kekurangan jentera pasaran kepada petani. Petani selama ini telah bergantung nyawa kepada orang tengah. Alat penimbang mereka biasanya tidak mengikut rasmi. Harga barang-barang dinaik turun mengikut kemahuan orang tengah. Saya telah tertarik hati apabila membaca dalam surat khabar bahawa di Kuala

Lumpur akan diadakan alat-alat penimbang yang diawasi oleh Kerajaan. Parti Kebangsaan Sarawak sudah lama memohon supaya dacing rasmi ini diadakan di setiap tempat supaya orang-orang kampung yang turun membawa barangnya ke bandar tidak diperdaya oleh orang tengah.

Perikanan air tawar di negeri Sarawak masih juga dikendalikan oleh Kerajaan secara *ad hoc*. Tahun enampuluhan, Kerajaan telah menggalakkan orang-orang kampung membuka tanah untuk memelihara ikan di air tawar. Galakan itu telahpun diikuti dengan sekim subsidi. Sekarang ini selain daripada satu dua orang yang kaya jarang terdapat kolam ikan di tempat pendalaman. Semua sungai yang dalam telahpun dituba tiap-tiap tahun oleh penduduk kerana hendak membeli ikan dari pasar adalah terlalu mahal.

Saya ingin minta supaya Kerajaan menengok keadaan ini supaya perikanan air tawar didasarkan sebagai satu tindakan utama. Di samping itu Radio dan Talivisyen mestilah mengeluarkan nasihat selalu mengenai bahayanya penduduk kampung menuba air di sungai untuk mendapat ikan. Semua jentera-jentera Kerajaan khasnya Jabatan Pertanian mesti mengajar mengenai bahaya mereka menggunakan racun serangga untuk menuba ikan di sungai. Ke arah ini tindakan yang serius mesti dilaksanakan sekarang juga supaya ikan di air sungai boleh membiak dan bertambah untuk keperluan masa depan, manusia mungkin bertambah di negara kita.

Berikutan dengan perkara kekurangan ikan di air sungai, saya ingin juga menyentuh kepada pencemaran yang telah menyebabkan kekurangan ikan di sungai-sungai di negara kita. Sejak merdeka negara kita telah berusaha ke arah perkembangan perindustrian untuk menampung keperluan pekerjaan dan pertukaran wang asing. Berbagai kilang telah didirikan dan air sungai telah menjadi satu saluran keluar yang mudah kepada kilang-

kilang ini. Di tempat-tempat perdalaman air sungai menjadi satu kemudahan untuk membuang sampah mencuci perkakas-perkakas yang telah digunakan dalam peperangan dengan serangga itu, tumpah racun dan perkakas yang baru dipakai dicuci ke dalam sungai yang mengakibatkan kematian ikan dan merosakkan tempat ikan-ikan membiak. Saya tahu Kerajaan kita telah menubuhkan sebuah Kementerian khas untuk tindakan supaya mengurangkan pencemaran di negara kita tetapi dengan kekurangan tenaga yang mahir dan kelewatan kita bertindak demikian masalah ini sudah sampai ke peringkat buruk mungkin tidak terkawal, kecuali dengan tindakan serius dan memerlukan wang yang banyak daripada Kerajaan. Oleh kerana masalah ini boleh membahayakan kehidupan manusia di muka bumi ini maka pentinglah belanjawan yang besar digunakan. Saya fikir masanya sudah tiba negara kita mempraktikkan semua pendapat yang telah dikumpul dan dikaji oleh Kerajaan untuk menyekat orang ramai supaya jangan membuang sampah-sarap ke dalam sungai dan parit dan berbagai saluran air yang lain. Tindakan ini semestinya bukan sahaja dihadapkan atau dikenakan kepada kilang-kilang bahkan juga kepada bengkel-bengkel kecil, pekedai-pekedai dan semua penduduk. Racun serangga dan sebarang racun mesti dikawal penjualannya supaya ianya tidak diperolehi oleh orang-orang yang tidak benar-benar menggunakannya. Seseorang yang didapati salah menuba ikan di air sungai mestilah dihukum seberat-beratnya supaya sungai-sungai ini boleh menjadi sumber di mana ikan membiak semula, dan juga, untuk mengambil ikan ini, jadual-had dikenakan supaya ikan yang kecil tidak boleh diambil. Saya bercakap demikian kerana saya datang dari kawasan pendalaman di mana selain daripada pembelian ikan di pasar penduduk-penduduk bergantung sangat kepada sumber ini, untuk menampung keperluan zat protin sebagai keperluan hidup. Sekiranya penduduk dapat digalakkan untuk membuka kolam-kolam ikan dan Kerajaan menunjukkan cara yang baik iaitu seperti tindakan yang baru saya sebutkan tadi maka

sumber inilah yang boleh menolong kehidupan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak pelajaran kepada murid-murid telahpun diluaskan daripada dahulu dari 6 tahun ke 9 tahun, iaitu sekarang tiada peperiksaan yang menghadkan kenaikan tingkatan atas sehingga L.C.E. Tindakan ini baru sahaja dipraktikkan dan mungkin mengambil masa bagi kita menengok kesannya yang baik. Satu daripada kesannya yang ternampak sekarang ialah begitu ramai murid-murid yang keluar daripada bangku sekolah selepas L.C.E. kerana mereka tidak lulus dalam peperiksaan. Ramai juga yang tidak lulus dalam peperiksaan M.C.E. dan S.C. Mereka ini memasuki ke golongan penganggur dan kerana tidak ada rancangan, yang adapun belum diperluaskan. Pelajaran vokesyenal pula tidak dapat diberi kepada budak-budak ini. Di bangku sekolah mereka hanya diajarkan dengan matapelajaran asas yang tidak dapat mempraktikkan mereka kepada kehidupan luar bangku sekolah. Ramai daripada bilangan gadis yang meningkat dewasa itu telah terperangkap dalam selok-belok kehidupan di bandar. Keburukan ini mungkin disebabkan (1) sistem pelajaran dan (2) sikap penduduk di bandar. Saya menyebut sikap penduduk di bandar kerana ramai daripada bilangan gadis yang tidak lulus dalam peperiksaan L.C.E. yang pergi ke bandar untuk mencari kerja dan mendapat kerja sebagai Pembantu Rumah telah diberi gaji yang begitu murah seperti \$30 sebulan.

Mereka ini yang tinggal di rumah semacam itu, mendapat gaji yang kecil dan tidak ada bimbingan daripada ibubapa adalah di dalam kehidupan yang banyak percubaan. Ramai daripada bilangan sedemikian telah melarikan diri daripada pekerjaan itu dan masuk kerja di dalam Kelab-kelab Malam, Hotel dan kerja yang tidak tentu arah, sehingga di bandar-bandar besar di Sarawak sekarang keadaan ini berlaku dengan begitu buruk. Tindakan telah diambil oleh beberapa pihak dan gadis-gadis ini telahpun dibawa menghadapi mahkamah

beberapa kali sahaja dalam masa-masa yang sudah, tetapi tindakan ini tidak dapat mem-berhentikan kegiatan mereka. Ini adalah sebab mereka memerlukan makanan untuk hidup.

Mereka cuba cari kerja untuk mendapat makanan supaya hidup seperti orang-orang lain dan bila mereka tidak dapat kerja yang tertentu maka inilah akibatnya. Saya ingin menyebut di sini bahawa membawa mereka menghadapi mahkamah dan tindakan undang-undang tidak boleh menukar dan membasmikan kegiatan buruk itu. Adapun kesannya ialah mereka tidak nampak di luar tetapi membuat secara haram.

Saya menyeru kepada Kerajaan Pusat supaya mengambil tindakan secepat mungkin untuk menyelesaikan keadaan pengangguran dengan menggunakan tanah yang luas dan subur untuk membuka tanaman supaya penganggur-penganggur dapat memasuki dalam projek-projek itu. Tetapi apabila diadakan projek-projek pembangunan tanah seperti ini, tempatnya hendaklah tidak jauh daripada bilangan penduduk. Dahulunya bila kita mengadakan sekim pembangunan tanah, penduduk daripada satu tempat di arah pindah ke kawasan pembangunan dan kesannya ialah pengeluaran atau productivity tidak begitu baik kerana mereka rasa sebagai dipenjarakan di kawasan yang jauh daripada tempat asal mereka. Tindakan yang tegas bagi mengurangkan gadis-gadis daripada bekerja di tempat-tempat yang merendahkan moral gadis-gadis itu mesti diambil dengan segera supaya semua tempat dan sarang yang menyalahgunakan tenaga gadis-gadis itu dimusnahkan. Penyiaran Radio dan Talivisyen juga diminta memainkan peranan dalam menyebarkan rancangan-rancangan yang bertujuan memujuk muda-mudi lepasan dari bangku sekolah supaya dapat kerja membuka tanah berdekatan rumah mereka, tanpa keluar ke bandar dan melibatkan diri dalam keadaan buruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Bekalan, 1978.

4.56 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu, dan izinkan saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kepada pegawai-pegawai yang berkaitan dengannya kerana telah dapat menyediakan Belanjawan tahun 1978 yang disifatkan sebagai suatu Belanjawan yang di luar dugaan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai di kampung atau rakyat di luar bandar berasa besar hati dan puashati terhadap Kerajaan manakala mendengar Belanjawan tahun 1978 di mana Kerajaan menitikberatkan dan menumpukan pandangan dan perhatiannya kepada mereka yang tinggal di luar bandarnya khususnya rakyat di kampung-kampung. Apabila didapati ada peruntukan yang begitu lunak, umpamanya \$65 juta diperuntukkan bagi membuat jalan dan lorong-lorong di kampung dan \$853 juta dikhaskan untuk pertanian dan beberapa lagi kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan letrik. Ini sungguh-sungguh menarik perhatian orang-orang kampung pada hari ini, kerana keadaan di luar bandar khususnya di tempat saya satu kawasan pertanian atau kawasan sawah padi masih lagi sehingga ke peringkat Rancangan Malaysia Ketiga, 70% penduduk-penduduk di sana hidup tanpa ada jalan yang baik, tanpa ada bekalan air, masih lagi minum air perigi, mandi air parit tanpa ada bekalan letrik dan sebagainya. Ini adalah perasaan orang ramai di kampung pada hari ini. Mereka sangatlah mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang menitikberatkan dan memberi perhatian yang berat terhadap mereka.

Masaalah yang timbul yang biasa didapati dalam menjalankan kerja-kerja rancangan

pembangunan itu atau melaksanakannya selalu didapati banyak kerja-kerja yang tak dapat dijalankan dan tak dapat disiapkan. Pernah dikatakan oleh pegawai-pegawai ini disebabkan kerana kekurangan tenaga, kekurangan masa dan berbagai alasan yang begitu tidak menyenangkan. Pada fahaman saya telah beberapa tahun yang rancangan-rancangan ini dijalankan dengan keadaan begitu lambat dan tidak dapat diselesaikan dengan sempurna maka saya dapati ada beberapa halangan dan kelemahan-kelemahan bagi jentera-jentera Kerajaan untuk menjalankan dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan itu dengan licin. Oleh itu saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya membuat kajian yang lebih teliti berkaitan dengan sistem pentadbiran Kerajaan yang berjalan pada hari ini dalam konteks menjalankan kerja-kerja pembangunan.

Umpamanya, saya buat satu contoh, katahlah Jabatan Parit dan Taliair merangka dan membuat satu proposal kepada daerah dan daripada daerah dibawa kepada negeri dan negeri membuat kajian, kemudian dirujuk kepada Federal. Kalaulah tidak dapat green-light daripada Federal, maka rancangan itu tidak dapat dijalankan, pada hal di peringkat daerah dan negeri itu jurutera juga yang bertanggungjawab yang pakar di dalam perkara yang serupa dalam masalah itu, cuma yang sampai kepada Federal ialah dalam masalah pentadbiran sahaja. Khususnya yang saya difahamkan bahawa keadaan sistem pentadbiran hari ini pada peringkat di bawah cuma diberi kepercayaan tanggungjawab tetapi kepercayaan kuasa penuh untuk menjalankan kerja-kerja rancangan itu tidak begitu dilonggarkan atau diberikan secara penuh.

Itulah berupa red-tape dan itulah satu daripada faktor yang menyebabkan masalah ini jadi begitu. Selain daripada itu, antara jabatan dengan jabatan pula. Ini ada kait-mengait kalau menjalankan rancangan pembangunan satu jabatan ada berkait dengan satu jabatan yang lain terutamanya

dengan Pejabat Tanah yang mana mengata-kan kuasa-kuasa negeri. Ini selalu menimbulkan masalah yang menjadikan satu halangan yang besar pada pelicinan menjalankan kerja-kerja projek. Kalaulah tidak diselaraskan dengan secara positif maka saya rasa selama itulah walau bagaimana banyak wang, banyak peruntukan seperti tahun 1978 maka tinggalah begitu sahaja kumpulan wang yang begitu banyak tidak dapat dibelanjakan dan rancangan pembangunan tidak berapa peratus dapat dilaksanakan. Masalah inilah saya mengemukakan kepada Kerajaan supaya dapat menyusun semula pentadbiran jentera-jentera Kerajaan ini dan diubahsuaikan dalam konteks pembangunan.

Selain daripada itu, masalah tenaga yang disebut-sebutkan. Saya rasa pemborong-pemborong dalam negara ini ada kelayakan dan ada kebolehan menjalankan kerja-kerja pembangunan atau kerja projek samada membuat jalan besar, jambatan besar, jejambat dan lain-lainnya kecualilah perkara seperti hydro dan pelabuhan yang besar. Tetapi selain daripada itu saya rasa mereka itu ada kelayakan dan boleh menjalankan kerja-kerja serupa itu. Masalahnya yang biasa dihadapi oleh mereka saya difahamkan pemborong yang sudah established selalu bersungut tentang bayaran selalu lewat dan layanan untuk menjalankan atau memulakan kerja dan menjalankan kerja kurang memuaskan. Dan bagi pemborong yang baharu mula mereka ini selalu menghadapi masalah kurang modal. Tetapi kalau Kerajaan faham atas kedudukan mereka dapat membantu cara mendapatkan modal yang cukup dengan memberikan kemudahan-kemudahan melalui bank, saya rasa mereka ini dapat menjalankan kerja dan tanggungjawab menyelesaikan pembangunan yang lebih baik daripada yang sudah. Saya rasa Kerajaan tidak payah terburu-buru untuk menjemput atau mempelawa pemborong dari luar negeri untuk mengambil alih atau menjadi tuan besar atau pemborong besar kepada pemborong-pemborong tempatan ini. Kita kaji kelemahan-kelemahan yang ada pada pemborong-pemborong

tempatan dan kewajipan kita memberikan galakan dan memperbaiki kedudukannya, setelah sudah dibuat begitu baharulah kita meminta pertolongan luar. Itupun kita kena waspada dan menjaga syarat-syaratnya supaya pemborong tempatan tidak menjadi tekanan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh berkenaan dengan pertanian kerana saya adalah wakil daripada kawasan pertanian. Banyak telah diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya pada dua tiga hari yang sudah berkaitan dengan hal-hal pertanian. Saya ingin menarik perhatian kepada Kerajaan, satu contoh di kawasan saya, satu projek yang sudah disiapkan iaitu satu projek memodenkan taliair, memberikan pembekalan air kepada sawah padi dengan tujuan untuk memberikan hasil pendapatan yang baik kepada petani untuk meninggikan taraf hidup mereka. Malangnya, model ataupun kawasan yang telah diberikan dengan model yang baharu dengan sistem perairan yang baharu maka petani-petani itu tinggal begitu sahaja, cuma dapat menengok keadaan model yang terseregam yang terlentang atas tanah sebagai model. Mereka tidak tahu menggunakannya kerana tidak diberitahu cara-cara hendak menggunakan model itu tadi. Apa yang menjadi dukacita, mereka tidak dapat menggunakan sistem perairan itu sepertimana yang dikehendaki oleh model itu tadi dan keadaannya harapan hendak memodenkan cara pertanian mereka pada pendapat saya kalaulah terbiar begitu sahaja sudah tentulah mendukacitakan. Apa yang saya tekankan di sini hendaknya apakala rancangan yang begitu rupa sudah disediakan maka adalah follow-up iaitu memberi kursus atau pengetahuan cara menggunakan dan cara penyampaian dan sebagainya supaya jangan sia-sia rancangan yang begitu mahal yang telah dibelanjakan maka tidak dapat digunakan dengan cara yang betul.

Masalah pertanian cukuplah banyak. Satu contoh lagi dalam kawasan saya kena malapetaka iaitu pada mereka sedang terbit dan

ada yang sudah masak diserang oleh serangga yang bernama "serangga bena perang". Serangga bena perang ini tidak pernah dialami oleh petani-petani. Ia menjadi-jadi dengan sekelip mata sahaja. Hari ini ia datang sekumpul kecil maka saya rasa dalam sekumpulan kecil itu beribu-ribu ekor serangga itu dan pada besok harinya atau besok malamnya maka seluruh kawasan itu penuh dengan sekejap masa penuh dengan serangga bena perang ini. Apa sudah jadi kalau tiga empat hari serangga itu ada pada pokok padi maka dengan serta-merta padi itu hangus tidak dapat diatasi dengan apa cara pun. Maka kejadian ini cukup serius dan malanglah petani-petani yang ditimpa malapetaka itu. Apa yang saya hendak tekankan masalahnya ialah apakala seorang petani yang ada mempunyai tiga ekar padi maka diserang oleh serangga yang begitu rupa dengan sekelip mata sahaja ia tidak mendapat hasil langsung dan sudah tentulah jawapannya petani itu mendapat kerugian yang begitu besar.

Pada hari ini taksirannya kalau satu keping sawah padi yang luasnya tiga ekar maka pendapatannya hampir \$2,500. Jadi, keadaan pertolongan cemas atau pertolongan kepada petani tidak seimbang dapat diberikan oleh Kerajaan sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pertanian mengambil tindakan dan Kerajaan Negeri mengambil tindakan tetapi tidak setimpal dengan kerugian yang dihadapi oleh mereka. Kerajaan Negeri dan Kementerian Pertanian cuma dapat mengeluarkan perbelanjaan \$50 seekar dan berjumlah 150 ekar kerugian daripada 2,500 ekar. Inilah yang selalu dipersoalkan oleh petani-petani betapa hal keadaan mereka ditimbang dengan secara begitu tidak setimpal dengan kehilangan dan kerugian mereka. Jadi, tidak ada badan, tidak ada tempat mereka hendak merayu lagi maka menerimalah keadaan yang begitu. Dengan cara ini maka saya mencadangkan iaitu eloklah untuk muslihat dan menghadapi masalah-masalah petani pada masa akan datang Kerajaan mengadakan satu Lembaga Penyelarasan Penanam Padi yang mengandungi jabatan-jabatan yang berkaitan

supaya dapat bertindak segera dan memikirkan sesuatu yang menyelesaikan dan boleh menyenangkan keadaan masalah petani tadi.

Selain daripada itu, bantuan yang saya katakan begitu kecil saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat mempertimbangkan dan menerima laporan yang kemas daripada Kementerian yang berkenaan supaya dapat diubahsuai bagi menyenangkan hati petani samada berupa wang ringgit, samada berupa memberikan bantuan baja yang secukupnya, bantuan membajak tanah dan sebagainya dengan percuma, itu saya serahkanlah, tetapi apa yang dirayukan bagi pihak mereka supaya dapat ditimbang dengan cara yang sesuai atas kemalangan mereka itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menyentuh berkenaan dengan pelajaran. Di luar bandar masih lagi orang berkata bahagian keciciran tetapi dua tiga hari ini saya mengikuti perbincangan ini tidak ada seorang pun yang bercakap berkenaan dengan keciciran tetapi kawasan saya masih ada lagi. Kalau kita sebutkan bahagian keciciran banyaklah faktor-faktornya dan banyaklah sebab-sebab yang lain tetapi di antara lain yang saya kesankan di kawasan saya. Kementerian yang berkenaan hendaklah membuat kajian dan ubahsuai keadaannya supaya penempatan guru-guru yang berkelayakan yang ada kelulusan akademik diberikan secara adil keluar bandar. Yang ada sekarang pun didatangkan keluar bandar ialah dari guru-guru baki yang sudah ditempatkan kepada yang lain; maksud saya sudah tidak berapa dikehendaki oleh orang-orang di bandar atau sekolah-sekolah di bandar maka dihantarlah mereka ke luar bandar. Ini sangatlah menyedihkan, kerana pada hari ini sekolah menengah di tempat saya itu ada seribu orang penuntut, cuma ada 5 orang sahaja yang ada kelulusan dan kebanyakannya ialah guru-guru pelatih, inilah yang diterima dengan secara ikhlas orang-orang luar bandar untuk mendapat pendidikan kepada anak-anaknya.

Selain daripada itu, berkenaan dengan pelajaran, Kerajaan hendaklah menitikberatkan atau mengambil tanggungjawab yang benar berkenaan dengan khutub-khanah di sekolah-sekolah supaya benar-benar datangnya tanggungjawab khutub-khanah itu daripada Kementerian sendiri dengan diharapkan mudah-mudahan banyak buku-buku yang tertentu dapat diadakan untuk murid-murid sekolah merujuk kepada kepunyaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangatlah tertarik hati atas cadangan Kerajaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu hendak memperluaskan aktiviti ataupun perkembangan perkapalan bagi negara kita. Ini sepatutnya memang sudah lama Kerajaan menyedari dan memulakan aktiviti ini kerana kita sudah ada transpot di darat, sudah ada transpot di udara sehinggalah sudah mencapai DC 10 tetapi malangnya kita tidak ada transpot sendiri di laut.

Ini sudah perlu bagi negara yang sudah merdeka untuk memperluaskan lagi perdagangan dan ini banyak menolong di bidang ekonomi bagi negara kita. Pada hari ini yang saya difahamkan negara ini menghantar pelatih-pelatih atau pegawai-pegawainya keluar negeri ke Britain, ke Indonesia yang memakan perbelanjaan yang begitu banyak dan sudah sewajarnya saya rasa Kerajaan mengambil langkah supaya mengadakan marine academy bagi negara ini supaya anak-anak muda kita dapat kita latih dengan banyak jurusan perkapalan yang boleh memberikan satu tanggungjawab dan tugas di bidang pengangkutan laut pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya sekali lagi menyokong Belanjawan tahun 1978.

5.20 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada

Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu usul Anggaran Belanjawan negara bagi tahun 1978, molek sangat bagi saya memberi kata pujian yang memang kena pada tempat dan masa, biarpun pihak-pihak Pembangkang mengatakan bahawa Anggaran Belanjawan ini adalah belanjawan pilihanraya tetapi sebenarnya hakikat yang tepat sekali ialah belanjawan ini memenuhi hasrat rakyat.

Tiap-tiap tahun sejak bermula Kerajaan Perikatan memegang teraju negara hingga membawa kepada Kerajaan Barisan Nasional hari ini belanjawan yang dikemukakan meningkat setahun demi setahun. Ini membuktikan bahawa perbelanjaan yang dibuat ini ialah di atas kebijaksanaan perancangan tiap-tiap Kementerian. Bagaimanapun, harus juga diambil perhatian bahawa penggunaan dan perbelanjaan yang dibuat itu hendaklah mendapat penghasilan yang setimpal yang boleh memberi faedah kepada rakyat seluruhnya. Hari ini pegawai-pegawai yang mempunyai kaliber tinggi, pengalaman yang luas telah diamanahkan untuk menjalankan tugas-tugas perbelanjaan wang yang banyak. Rakyat tidak ingin dan rela melihat lebih banyak wang diperuntukkan, dilulus dan dibelanja maka bertambah pula adanya berlaku penyelewengan penggunaan wang, pentadbiran penggunaan wang yang tidak mengikut peraturan, kehilangan barang-barang Kerajaan kerana kecuai dan kurang cekap pentadbiran, nilai-nilai bahan-bahan barang-barang yang dibeli rendah dari quality, pendekata terdapat kelak harapan rakyat melihat dan mendapat faedah itu berkecaji jahanam.

Kerajaan tegasnya Kementerian-kementerian harus berwaspada dalam sebarang langkah kerja supaya tidak akan terdapat kegagalan dalam setiap sen yang dibelanjakan. Tiap-tiap tahun laporan yang terdapat dan dikaji oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara setelah disiasat dengan mendalam, perkara-perkara yang sama berlaku. Kesilapan penggunaan wang negara terdapat

walaupun pegawai-pegawai pentadbir jabatan-jabatan berkenaan diberi nasihat ataupun amaran. Penggunaan wang yang tidak betul masih berlaku. Ini adalah sesuai sekali dengan hasrat pengurusan dan bekalan yang diasas kepada pentadbiran Kementerian Kewangan yang patut pula bagi saya mengulangi:—

- (1) Mentadbir dasar dan peraturan bagi memperolehi barang-barang perkhidmatan dan kerja-kerja.
- (2) Memeriksa sistem bekalan di Kementerian dan Jabatan-jabatan.
- (3) Meneliti quality barang-barang.
- (4) Merancang dan mengadakan latihan kakitangan dalam pengurusan.
- (5) Mengurus pembelian barang-barang guna di bawah kontrak.
- (6) Mengawal dan menyelaras perolehan wang oleh semua Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.
- (7) Mengawal pembelian melalui Crown Agents.
- (8) Melaksanakan dasar memberi keutamaan kepada bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan supaya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Kerajaan harus berwaspada terhadap sebarang pinjaman wang yang dikeluarkan kepada Badan-badan Berkanun ataupun kepada sebarang jenis kumpulan wang Badan-badan yang tertentu yang ditubuhkan oleh Kerajaan dengan tujuan hendak menggalakkan perkembangan ekonomi negara. Sebarang wang yang dipinjam ataupun diberi pendahuluan itu harus didapati kembali. Satu contoh yang patut saya bawa ke dalam sidang ini iaitu izinkan saya petik Lapuran Odit tahun 1973 iaitu Lapuran Kumpulanwang Perniagaan Getah Kerajaan, dalam perenggan 84 yang berbunyi:—

“Kumpulanwang Perniagaan Getah Kerajaan telah ditubuhkan dalam bulan September 1967 bertujuan untuk membolehkan Kerajaan berniaga dalam pasaran

getah apabila difikirkan perlu. Lembaga Kumpulanwang Getah Malaysia telah dilantik sebagai wakil Kerajaan Malaysia untuk menjalankan pasaran getah dan pendahuluan-pendahuluan telah dibuat dari Kumpulanwang ini kepada Lembaga tersebut. Menurut Penyata kira-kira baki wang tunai telah meningkat hingga \$45 juta pada akhir bulan Julai 1974. Arahan-arahan yang menguasai Kumpulanwang ini memberi Menteri Kewangan kuasa untuk mengarahkan Lembaga itu memulangkan kepada Kerajaan sebarang pendahuluan ataupun sebahagian daripadanya, tetapi tidak ada sebarang arahan dibuat, dan Lembaga tersebut terus memegang wang tunai Kerajaan melebihi daripada keperluan segera. Hasil daripada pertanyaan odit, \$20 juta telah dikembalikan baki tidak dikembalikan tetapi dipindahkan kepada sebuah Jawatan-kuasa Kebangsaan yang lain mengenai Penstabilan Harga Getah."

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi Kumpulan-kumpulanwang selain daripada yang tersebut tadi yang berkehendakkan kepada penyelesaian dan penyelarasan seperti Kumpulanwang Pendahuluan Diri Pegawai-pegawai Kerajaan yang perlu diperdalamkan penyiasatan, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, seringkali dalam Dewan ini kedengaran rayuan-rayuan supaya Kerajaan tegasnya Perbendaharaan memberi perhatian terhadap pengurusan pembayaran wang pencen ataupun hadiah tamat perkhidmatan. Kadangkala seseorang pesara yang tamat berkhidmat dengan Kerajaan terpaksa menanti bertahun-tahun untuk menerima wang pembayaran pencen yang pertama dan seterusnya apatah lagi kalau wang hadiah kerana kematian. Ini menambah rumit dan sulit bagi waris-waris ataupun keluarga simati untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup. Umpamanya, saya sebut di sini keluarga seorang pegawai yang telah mati setahun dahulu, seorang guru bernama Saudi bin Walat dari Kedah. Tanda-tanda menunjuk-

kan ke arah pembayaran itu belum dibuat. Saya harap Kerajaan sedia akan membuat apa sahaja yang boleh untuk melicinkan jentera bukan sahaja dalam Kementerian Kewangan tetapi keseluruhan jabatan-jabatan demi keselisaan yang kelak akan dirasai oleh rakyat. Yang anih pula bila Kerajaan hendak mengeluarkan gaji ataupun wang tunggakan ke belakang (arrears) tugas-tugas ini dapat diselenggarakan di dalam beberapa hari sahaja.

Bercakap berkenaan dengan penambahan wang untuk Kementerian Dalam Negeri umpamanya tentang kecekapan Polis Di-Raja. Saya harus menekankan di sini tentang disiplin. Tiap-tiap anggota polis semasa dalam latihan di depot umpamanya telah menunjukkan sikap disiplin yang kuat dan tegas dalam serba-serbi cara-cara hidup dan kerja. Disiplin yang baik dan cemerlang ini bukan sahaja harus diperlihatkan semasa di depot ataupun di dalam latihan tetapi harus dipraktikkan sehingga ia bersara daripada jawatan. Seorang anggota Polis semasa dalam uniform harus cergas, bersemangat, bersedia untuk bertindak menghadapi sebarang keburukan di mana sahaja ia berada, baik di Ibupejabat, di bandaraya, di pekan ataupun di kampung-kampung di mana beliau ditempatkan sebagai penjaga keamanan, harus sifat-sifat yang cergas dan kewaspadaan ini dibuktikan untuk mendapat kepercayaan orang ramai terhadap ketenteraman umum. Kita ingin melihat anggota-anggota Polis Di-Raja kita menjadi satu Angkatan Bersenjata yang penuh dedikasi dan bersemangat dan di samping itu harus pula Kerajaan melaksanakan tanggagaji yang sesuai dan saksama kepada pegawai-pegawai Polis yang berpangkat rendah. Perubahan tanggagaji yang dibuat hanya memberi nafas baru kepada pegawai-pegawai tinggi sahaja tetapi kedudukan gaji dan elaun mata-mata biasa tidak merupakan kenyataan berbanding dengan nilai hidup sekarang ini.

Saya teringat juga kepada keadaan bandaraya di Kuala Lumpur dan kota-kota besar

dalam negara kita ini semakin banyak pembangunan dibuat; pembangunan ekonomi, pembangunan akhlak, pembangunan jiwa, tetapi perimbangan yang lohor tidak diselenggarakan. Umpamanya, di kota raya ini semakin meningkat kekotoran seperti zina dan persundalan. Keadaan-keadaan yang berlaku terdapat di lorong-lorong, di liku-liku, di jalanraya bukan sahaja bila malam tiba tetapi mendadak di tengah-tengah mentari terang, perbuatan yang menjolok mata, menyalahkan hukum adat dan ugama, apakah negara kita ini menggalakkan profesion ini untuk menawan banyak pelancung-pelancung, at the expense of our esteemed maruah. Perkara kekotoran ini tentu tidak akan dapat dibersihkan selicin-licinnya tetapi rakyat berharap tindakan menuju ke arah pembersihan kekotoran ini biarlah ternyata bukan terbiar. Semalam sahaja tindakan penyerbuan dibuat memberkas anasir-anasir ini tetapi ini dibuat hanya sekali sekala sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi tahniah kepada usaha-usaha Kerajaan selama ini yang telah dapat menggalakkan ramai bumiputra untuk memasuki perusahaan dan perniagaan. Dasar Kerajaan itu telah dibuat dengan begitu tegas. Apakah yang hendak saya suarkan di dalam Dewan hari ini, iaitu rakyat tidak ingin melihat Kerajaan menjalankan dasar hanya menggalakkan tumbuhnya sebilangan pemodal-pemodal Melayu ataupun kapitalis-kapitalis bumiputra tetapi hendaklah juga menggalakkan lebih banyak lagi bumiputra untuk mengendalikan perniagaan-perniagaan dan perusahaan-perusahaan kecil di pekan-pekan, di kampung-kampung dan di desa-desa. Pertolongan bantuan yang merupakan wang, pinjaman yang mudah, nasihat yang percuma, bimbingan yang ikhlas harus diperhebatkan lagi kalau Kerajaan ingin benar-benar hendak melihat bumiputra bangun dan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan pihak-pihak yang telah lama maju dalam lapangan ini.

Usaha mengkayakan beberapa ahli-ahli perniagaan bumiputra yang sudah maju itu

patut disemak kembali dan pandangan harus diberi kepada peniaga-peniaga kecil bumiputra tetapi bukan setakat mengadakan perjumpaan-perjumpaan, mesyuarat-mesyuarat, laungan-laungan janji, ahli-ahli perniagaan bumiputra yang masih kerdil di kampung-kampung dan di pekan-pekan perlu diberi perhatian dan pertolongan dihulurkan tanpa sekatan ataupun rintangan. Kita sudah jemu mendengar laungan-laungan janji tetapi kita ingin melihat tindakan yang berkesan yang merupakan kenyataan yang benar-benar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dalam usaha hendak memajukan bidang perikanan negara ini telah menubuhkan Perbadanan Majuikan dengan Akta-akta yang tertentu. Saya tidak nampak sebarang kemajuan yang dibuat oleh badan ini yang telah diselenggarakan dengan wang negara yang begitu banyak. Mungkin Majuikan menumpukan tugas dan usaha terhadap nelayan-nelayan untuk membanyakkan sumber-sumber ikan bagi keperluan negara ini. Apa yang saya harap selain daripada pembelaan terhadap nelayan-nelayan di sepanjang pantai dibuat dengan berbagai-cara, perubahan-perubahan mereka akan meningkat baik harus juga Kerajaan memberi perhatian yang berat terhadap pengeluaran ikan darat.

Pembiakan ikan darat dalam negara ini sangat mundur hanya dibuat sambil lalu sahaja pada hal pembelaan ikan darat ini adalah satu sumber penghidupan yang baik dan lumayan kepada orang-orang di luar bandar jika diberi galakan yang bersungguh-sungguh. Tidak guna bagi Jabatan tersebut hanya mengadakan beberapa kawasan pembelaan ikan darat untuk menjadi contoh ataupun model walhal satu galakan dan tunjukajar yang bersungguh-sungguh ataupun inisiatif tidak dibuat di pendalaman di mana terdapat kawasan-kawasan yang baik sesuai tetapi terbiar.

Saya tegaskan di sini peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perikanan dalam penggalakan ikan darat itu sangat-sangat mundur dan

tidak ada langsung. Saya harus memberi pujian yang tinggi kepada RISDA hari ini dalam menjalankan konsep barunya untuk pekebun-pekebun kecil telah dapat melaksanakan beberapa kemajuan yang tegas. RISDA pula telah menggalakkan perusahaan pembelaan ikan darat di kalangan pekebun-pekebun kecil. Usaha RISDA beberapa tahun hingga sekarang ini telah memberi kesan yang baik mengubah cara hidup, cara berfikir, cara bertindak pekebun-pekebun kecil menjadi satu barisan rakyat di luar bandar yang dedikasi, bersemangat dan berani menempuh zaman hadapan. Kerajaan harus memberi lebih banyak peruntukkan kepada RISDA untuk meneruskan rancangan-rancangan seumpama ini di masa hadapan.

Kedapatan dalam tanahair kita hari ini pergerakan-pergerakan belia yang mengumpulkan tenaga-tenaga belia untuk tujuan yang baik dan padu. Dua gerakan belia yang menjalankan tugas ini di bawah bimbingan Kerajaan iaitu Gerakan Belia 4B dan satu lagi ialah Gerakan Belia MAYC.

Kadangkala dua gerakan belia ini berlawanan di antara satu dengan lain. Baik di peringkat pusat membawa kepada kampung-kampung. Persaingan ini telah membawa banyak perpecahan dalam masyarakat belia, lebih-lebih lagi sangat terasa di kawasan-kawasan kampung ataupun desa. Mengapa pergerakan belia yang seumpama ini tidak dapat disatukan? Dan adakah Kementerian yang berkenaan yang diberikan sekian jumlah wang perbelanjaan untuk guna menyatupadukan belia di negara ini sengaja hendak memecahbelahkan perpaduan belia. Saya hairan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kerajaan atau Parlimen sekarang ini memeruntukkan sekian banyak wang untuk perumahan rakyat. Kita ingin melihat pembinaan rumah-rumah untuk menjadi tempat tinggal kepada rakyat yang kekal akan terus

dijalankan dengan lebih pesat. Rancangan Sekim Perumahan yang baik dan teratur adalah punca kepada struktur masyarakat yang sihat.

Apa yang saya ingin hendak bangkitkan dalam soal ini ialah koordinasi di antara Kementerian yang berkenaan ini dengan pihak-pihak perancangan dalam negeri. Apakah kuasa-kuasa tertentu bagi Kementerian ini untuk bertindak lebih luas supaya segala rancangan perumahan dalam semua negeri dapat diselenggarakan dengan cepat dan teratur. Mungkin ada beberapa perkara yang menjadi rintangan di antara kedua belah pihak yang masih belum dapat diselesaikan sekian lama. Ini telah menandatangani kelewatan dalam projek-projek perumahan yang diselenggarakan oleh Kerajaan.

Dewan ini tidak ingin hendak melihat segala rancangan-rancangan dalam tahun 1978 seterusnya kelak terbengkalai, setelah kelulusan dibuat di dalam Dewan ini. Izinkan saya memberi beberapa pandangan iaitu projek-projek perumahan ini jangan hanya ditumpukan semata-mata kepada kawasan-kawasan urban sepertimana bandaraya, bandar-bandar dan ibukota-ibukota sahaja. Perhatian untuk pembangunan ini harus juga ditumpukan kepada kawasan-kawasan kampung dan desa di mana terdapat cara-cara perumahan rakyat sangat tidak teratur. Di tiap-tiap buah kampung yang sesak patut didirikan dua atau tiga buah rumah yang dinamakan 'rumah rakyat' untuk dijual kepada rakyat kampung yang berkehendakkannya. Dengan secara demikian lama-kelamaan akan tumbuh banyak rumah-rumah mencontohi bentuk rumah seperti yang diatur oleh Kerajaan di kampung-kampung.

Kementerian Perumahan harus mengalihkan pandangan ke kampung-kampung (rural areas) setelah sekian lama, bertahun-tahun menumpukan pandangan dan pembangunan di Ibukota ataupun di bandar-bandar besar.

Saya juga berseru kepada Kerajaan dalam penggunaan wang yang dilulus ini untuk pembangunan negara, keadilan dalam pembahagian wang hendaklah diamalkan. Sebarang projek pembangunan dari apa segi sekalipun biarlah diimbangkan antara semua kawasan. Pembangunan industri juga hendaklah seberapa daya yang boleh diagihkan-agihkan kepada semua daerah. Dan dasar hari ini menumpu dan memusatkan perkilangan ataupun industri di dalam satu-satu kawasan yang dinamakan kawasan industri di negeri-negeri harus dirombak. Dalam kita menggalakkan datangnya pelabur-pelabur luar masuk, harus juga Kerajaan menimbang untuk memujuk pelabur-pelabur itu pergi ke semua daerah-daerah yang sesuai. Dengan demikian dapatlah rakyat di semua kawasan merasai nikmat kerja dan lain-lain. "Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah".

5.36 *ptg.*

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengangap Belanjawan baru ini dengan keseluruhannya bahawa kerana tidak ada pertambahan cukai yang besar dicadangkan bahawa ianya dianggap sebagai satu Belanjawan pilihan-raja.

Saya ingin menyatakan bahawa Belanjawan itu bermakna supaya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara ini. Kita mesti ingat bahawa hanya tiga tahun yang lalu kita menyaksikan satu rusutan perdagangan dan ekonomi sedunia. Bukan hanya negara-negara yang membangun (developed countries) seperti Germany, Amerika Syarikat, Jepun dan United Kingdom tetapi juga negara-negara sedang membangun (developing countries) seperti Malaysia patut mempunyai pandangan progresif dan juga mengadakan satu Belanjawan yang ada menggalakkan perkembangan-perkembangan ekonomi nasional.

Saya menyatakan Belanjawan baru yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini adalah sejajar dengan fikiran ekonomi yang positif itu. Dan saya mengucapkan tahniah kepada beliau kerana membuat begitu. Beliau menyentuh atas subject berhubung dengan penggalakan pertumbuhan ekonomi negara ini melalui langkah-langkah Belanjawan itu dan ianya akan berfaedah kepada semua sektor rakyat jelata dan untuk berbagai-bagai industri seperti getah, bijih timah, minyak kelapa sawit, serta industri-industri pembuatan.

Tetapi ada juga satu industri sebagai misalnya bahawa mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan barangkali tidak memberi perhatian yang seberatnya. Saya merujuk kepada industri pengangkutan jalan (road transport industry).

Orang ramai masih ingat bahawa beberapa bulan yang lalu syarikat-syarikat bas telah menaikkan tambang mereka dan baru-baru ini tuanpunya lori juga telah mengumumkan bahawa mereka akan menaikkan sewa lori mereka. Ini telah menghasilkan pengaruh yang buruk kepada rakyat jelata.

Kita sedar semua kenaikan-kenaikan itu akan menyusahkan rakyat dan menaikkan belanjawan kehidupan mereka serta akan menaikkan harga barang-barang keperluan dan juga makanan dengan tidak secara langsung. Sebab utama yang diberi oleh industri pengangkutan jalan adalah bahawa kos penyelenggaraan dan pembaikan-pembaikan bas, lori dan teksi telah dinaikkan kerana harga-harga alat pengganti kenderaan telah dinaikkan hingga 100% kepada 200% baru-baru ini. Barangkali kenaikan cukai impot atas setengah-setengah alat-alat pengganti kenderaan telah dijalankan supaya melindungi industri-industri tempatan dan saya sedar adanya setengah-setengah alat-alat ganti buatan tempatan kerana alat-ganti berjenis sama telah dilarang impotnya. Pembuat-pembuat tempatan telah menaikkan harga-harga yang terlalu tinggi dengan mendapat

keuntungan besar sungguhpun mereka diberi taraf perintis pioneer industries dan juga menikmati pengecualian cukai pendapatan selama lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya cukai impot adalah sangat tinggi maka ini menggalakkan penyeludupan (wholesale smuggling) dan mengakibatkan hasil (revenue) yang sepatutnya memberi faedah kepada Kerajaan, akan tetapi masuk poket pihak swasta. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menyiasat perkara ini dan mengambil langkah pembedahan jika kita hendak mencapai matlamat kita yang menentang inflasi dengan penuh kejayaan. Kita bersetuju dengan beliau bahawa adalah mustahak memelihara kestabilan harga tetapi tidak cukup hanya meminta pengguna-pengguna badan-badan pengguna-pengguna, Persatuan Pekerja dan pertubuhan-pertubuhan yang lain menyertai pergerakan supaya memelihara kestabilan harga jika membuat-pembuat tempatan dibenarkan menaikkan harga barang pembuat tempatan tanpa sebab-sebab yang adil. Saya merujuk kepada barang pembuat yang tidak dimasukkan dalam lengkongan Ordinan Kawalan Harga (Price Control Ordinance) sebab itu saya menyokong seruan yang dibuat baru-baru ini bagi menentukan satu tribunal kawalan harga yang berasingan terdiri dari wakil-wakil Kerajaan, pembuat-pembuat tempatan, pengimpot barang pengguna dan Persatuan-persatuan Pengguna di bawah jagaan Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan potongan cukai pendapatan kepada seseorang isteri yang bekerja dan wanita-wanita profesional, dan pengecualian cukai ke atas ganjaran-ganjaran yang diterima oleh mereka yang memilih bersama lebih awal dari had umur yang ditetapkan. Kita juga mengalu-alukan potongan yang tertentu kepada syarikat-syarikat kerjasama berdasarkan jumlah kumpulan wang ahli-ahlinya bagi membolehkan pembayaran dividen tidak terjejas kerana pada amnya ahli-ahli syarikat

kerjasama terdiri dari orang yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapannya Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bekalan air, dan bekalan elektrik kepada kawasan luar bandar adalah satu program yang mustahak supaya meninggikan taraf kehidupan penduduk-penduduk luar bandar dan bahawa projek-projek itu belum dipercepatkan oleh kerana masaalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri.

Dalam kawasan pilihanraya saya ada satu projek membekal air ke Lenggeng daripada Pantai. Sungguhpun ada satu peruntukan token vote sebanyak \$200,000 yang dicadangkan dari Kerajaan Negeri tetapi projek itu masih belum dijalankan kerana wang itu belum lagi diterima daripada Perbendaharaan Persekutuan. Ini adalah satu projek yang cemas kerana kawasan yang terlibat adalah satu kawasan yang besar terdiri banyak kampung-kampung baru dan kampung-kampung serta tanah-tanah padi. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengambil perhatian di atas perkara ini.

5.46 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1978 dan Usul Belanjawan 1978 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 28hb. Oktober, 1977 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti kepada susunan anggaran belanjawan kita pada tahun hadapan ini jelaslah menunjukkan bahawa Budget pada kali ini merupakan satu keistimewaan yang belum pernah berlaku sejak Malaysia merdeka. Ini semuanya adalah nikmat kurnia dari Allah subnahu wa taala pada negara kita dengan bertambah banyaknya telaga minyak yang telah dijumpai setakat ini dan kita percaya sekiranya kemantapan politik dan ekonomi negara mendapat kepercayaan dari pelabur luar negeri rahmat dan nikmat Tuhan itu akan bertambah.

Tuhan berfirman:

“Lain syakartum, la’azi dalrakum, walain kafartum, ina azabi la syadid.”

Melihat ini semua, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah patut kita mengbusung dada dan bermegah dengan kedudukan ekonomi negara yang stabil sekarang ini, yang perlu kita lakukan ialah menggunakan nikmat Tuhan itu dengan sebaik-baiknya demi untuk kebahagiaan rakyat dan negara. Sudah lama rakyat memahami hakikat ini iaitu hakikat bahawa negara akan bertambah makmur dengan bertambahnya hasil daripada petrolium dan gas. Tetapi yang terkilang di hati rakyat ialah apakah dan sejauh manakah nikmat itu mengalir kepada rakyat sendiri. Harga minyak tetapi tidak berubah walaupun kita sedar bahawa Kerajaan banyak memberi subsidi dalam hal ini. Harga gula juga tidak turun walaupun harga gula dunia telah lama turun dan banyak hal-hal lain jika hendak disebut terlalu banyak memakan waktu.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih Budget tahun hadapan ini tidak ada cukai baharu yang dikenakan dan banyak kelonggaran-kelonggaran cukai telah dikemukakan yang semuanya membayangkan perubahan besar dalam struktur cukai negara. Namun demikian, rakyat masih belum dapat melihat dan merasakan betapa nikmat kestabilan ekonomi ini dengan secara langsung. Yang nyata mendapat faedahnya ialah industri-industri besar dan pelabur-pelabur. Kita tidaklah merasakan semua langkah itu tidak betul, kita tidaklah merasakan semua langkah itu salah tetapi yang perlu dari itu ialah sikap Kerajaan kita yang positif dalam menyampaikan nikmat secara langsung kepada rakyat. Misalnya, harga gula dapat diturunkan kepada peringkat minima sesuai dengan harga gula mentah di pasaran dunia sekarang. Harga minyak tanah, harga gas masak, harga minyak kenderaan terutamanya kenderaan rakyat patutlah diubahsuaikan sesuai dengan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeuar minyak mentah dunia.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, minyak kita dijual dengan harga yang mahal di pasaran dunia kerana kualitinya baik; di samping itu kita membeli minyak dari negara asing dengan harga yang lebih murah. Kebetulan pula kilang-kilang penapis minyak yang ada di negara kita sekarang ini ialah kilang-kilang minyak yang dipasang sesuai dengan jenis-jenis minyak yang diimpot. Tetapi kenapa perbezaan antara harga minyak kita yang berkualiti baik itu dengan harga minyak yang diimpot yang dijadikan suatu asas bagi memberi peluang kepada rakyat mencapai nikmat dari Allah. Kita melihat Indonesia, kita melihat negara pengeluar minyak yang lain seperti negeri Arab, rakyat dapat menikmati harga minyak yang sepadan dengan negara pengeluar minyak mentah bahkan di negara jiran kita Thailand yang belum mengeluarkan minyak pun dapat menikmati harga petrol yang lebih murah daripada kita. Oleh yang demikian, bagi saya Budget yang ada pada kita masih belum sempurna dalam makna yang hakiki. Ada orang mengatakan bahawa Budget ini ‘Budget Pilihanraya’ kerana Budget ini merupakan Budget yang begitu mendatar. Apakah benar, ini terserahlah kepada orang-orang yang menyusun Budget itu sendiri, tetapi percayalah bahawa rakyat ingin melihat satu perubahan yang progresif dan positif dalam membantu kehidupan bukan sahaja dari segi pembangunan yang terlalu bersifat umum tetapi juga kepada persoalan kehidupan mereka sehari-hari.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembahagian dan pelaksanaan projek kepada Negeri-negeri, terutamanya di negeri Kelantan maka sukacita saya menarik perhatian Kerajaan supaya memperkenankan permohonan daripada Kerajaan Negeri yang mengkehendaki supaya peruntukan untuk projek-projek di negeri Pantai Timur itu dihantar pada awal tahun, bukan pada akhir tahun sepertimana yang telah berlaku pada masa yang telah lalu yang menyebabkan banyak projek-projek yang dilaksanakan pada

akhir tahun itu mengalami kegagalan seolah-olah membazirkan wang sahaja. Di samping itu juga projek-projek yang sensitif seperti bekalan letrik luar bandar hendaklah diberi keutamaan dan perhatian berat walaupun pihak Kerajaan terpaksa bersusah, berikhtiar menambah pegawai dan kakitangan. Kelelisahan rakyat mengenai rancangan atau projek letrik luar bandar sudah sampai ke puncak sehingga di beberapa tempat tertentu telah berlaku hal-hal yang tidak diinginkan, umpamanya, rakyat telah memacak tiang-tiang buluh dengan diberi dawai plastik dan tempurung kelapa sebagai protes atas lambatnya pelaksanaan perbekalan letrik di kampung mereka yang telah tertinggal begitu lama sedangkan mengikut perhitungan biasa projek itu sepatutnya telah lama diselesaikan.

Salah satu projek kecil yang boleh disebut sebagai sensitif di negeri Kelantan ialah jalanraya kampung atau yang dikenal dengan nama jalan penggawa sepanjang kira-kira 1,000 batu di seluruh negeri mestilah diberi perhatian yang utama. Peruntukan khas yang telah diluluskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah digunakan untuk membeli 4 atau 5 set loji nampaknya belum mendatangkan hasil yang memuaskan, mungkin kerana loji-loji itu tidak mencukupi atau kerana kurang tepat pentadbiran. Hal ini perlulah dirundingkan dengan serius dengan Kerajaan baru Barisan Nasional di Kelantan. Saya yakin akan dapat segera ditubuhkan berkat kewibawaan dan kebijaksanaan Datuk Perdana Menteri kita sebagai pemimpin agung Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masaalah yang dihadapi oleh rakyat di Kelantan ialah kurangnya perhatian diberi kepada pihak-pihak yang berkuasa, baik Lembaga-lembaga Bandaran mahupun Majlis-majlis Tempatan yang berselirak di seluruh negeri yang sepatutnya menerima layanan yang baik dalam proses perbandaran yang sedang pesat berlaku. Bantuan-bantuan khas perlulah diberikan kepada pihak-pihak yang berkuasa itu supaya ianya dapat menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat dari Kelantan dan Kelantan sekarang sedang bergolak, saya rasa perbincangan saya hari ini tidak lengkap tanpa menyebut sedikit-sebanyak tentang kejadian-kejadian malang yang berlaku di Kelantan dalam tempoh yang dekat ini. Kita semua telah mengetahui apa yang sebenarnya berlaku di sana bagaimana seorang Menteri Besar yang tentunya seorang anggota Dewan Negeri melalui pilihanraya mengikut kawasan masing-masing telah dijatuhkan dengan undi tidak percaya oleh sahabat-sahabat dan teman-teman seinginya sendiri yang telah mengenal hati dan budinya sejak hampir 20 tahun yang lalu. Undi itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat disangkal lagi telah dibuat melalui proses-proses dan lunas-lunas demokrasi yang sah. Setelah ikhtiar-ikhtiar melalui lunas-lunas persaudaraan Islam telah dilakukan tetapi mengalami kegagalan. Kita juga telah mengetahui bahawa bekas Menteri Besar, jika ia boleh dinamakan bekas Menteri Besar, tetapi ia masih menjadi Menteri Besar yang berkenaan dan pengikut-pengikutnya serta mungkin penasihat-penasihatnya telah terlibat dalam beberapa kegiatan seperti rapat-rapat umum-tanpa kebenaran, rusuhan-rusuhan liar yang telah memusnahkan harta benda dan nyaris melibatkan nyawa manusia telah dilakukan dengan sewenang-wenangnya di siang hari di bawah cahaya dan sinar demokrasi yang menjadi pegangan dan simbol kemenangan Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional, yang sama-sama kita cintai dalam negara yang mempunyai rukun yang terpenting di dalamnya ialah kedaulatan undang-undang. Walaupun dalam kejadian ini beberapa buah kedai-kedai kepunyaan orang Melayu dan juga kepunyaan orang Cina telah diserang begitu ganas dengan harta-benda pula telah diambil mungkin sebagai ghanimah atau harta rampasan perang pada anggapan mereka dan rumah-rumah kepunyaan beberapa orang Wakil Rakyat, kebetulan sekali, Tuan Yang di-Pertua, rumah Wakil Rakyat PAS sedangkan tidak kurang juga rumah saudara-saudara kita dari Wakil Rakyat UMNO yang mungkin sama cantik, sama

besar telah tidak terlibat dan tidak terjejas. Soal ini sebenarnya bukanlah menjadi soal pokok bagi saya. Soal pokok bagi saya sebenarnya ialah apa yang telah terjadi kepada nasib sistem demokrasi yang kita agungkan sebagai pegangan hidup dan panduan kita di negara Malaysia yang indah dan tercintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah bayangan dan perlindungan sistem demokrasilah kita sekelian berada di Dewan yang mulia ini memikul hasrat dan menyuarakan keluhan dan deritaan rakyat melalui pilihanraya yang diadakan lima tahun sekali mengikut Perlembagaan negara kita. Saya kira Dewan-dewan Perhimpunan Undangan Negeri juga di seluruh Malaysia telah dibentuk berlandaskan lunas-lunas demokrasi itu dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri itu walaupun bentuk tugasnya mungkin berlainan daripada bentuk tugas kita sebagai Ahli Parlimen tetapi kedudukan mereka adalah pada hakikatnya sama dengan kedudukan kita, mereka telah dipilih oleh rakyat seperti kita juga dipilih oleh rakyat. Keputusan mereka juga wajib dihormati seperti juga keputusan kita wajib dihormati. Suara majority mereka wajib dengar dan juga suara majority kita wajib....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tolong duduk dahulu! Perkara-perkara yang hendak dibahaskan dalam perbahasan ini hendaklah ada kaitan dengan Belanjawan. Kalau hendak kaitkan perkara lainpun hendaklah hubungkan dengan Belanjawan. Kalau tidak ada dihubungkan dengan Belanjawan, dukacita saya tidak benarkan. Dan perkara-perkara yang patut diucapkan di dalam Dewan-dewan Undangan Negeri tidak seharusnya diucapkan dalam Parlimen ini. Kalau hendak diteruskan hendaklah kaitkan dengan Belanjawan ini. Sila!

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Terima kasih. Itulah dia sebenarnya roh dan semangat demokrasi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya kejadian di Kelantan itu telah berlaku di sebalik itu. Datuk Mohamad bin Nasir telah dijatuhkan kedudukannya sebagai Menteri Besar mengikut garis Per-

lembagaan Negeri dan mengikut suara majority anggota Dewan Negeri yang sama dipilih oleh rakyat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin dari segi undang-undang beliau masih boleh berdegil dengan sikap asalnya kerana mungkin beliau telah diarah oleh penasihat-penasihatnya....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat ini lebih menasabah disuarakan di Dewan Negeri dan bukan di Dewan Rakyat ini.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perkara ini ada hubungan dekat dengan demokrasi jadi saya minta untuk disentuh sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi apa kaitannya dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Belanjawan tahun 1978? Kalau Yang Berhormat boleh kaitkan dengan Belanjawan ini, bolehlah saya izinkan.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Yang pentingnya dalam membahaskan Anggaran Belanjawan ini ialah masalah penubuhan Kerajaan baru di Kelantan, kerana ini ada kait-mengaitnya dengan Kerajaan Federal dan Budget untuk tahun 1978 ini. Lazimnya manakala terjatuh seorang Menteri Besar dengan "undi tidak percaya" di dalam Dewan Undangan Negeri maka sebuah Kerajaan baru mestilah ditubuhkan sekiranya terdapat majoriti yang boleh berbuat demikian.

Dalam hal ini nyata sekali PAS Kelantan dapat berbuat begitu, tetapi apa yang berlaku di Kelantan ialah penubuhan Kerajaan baru itu nampaknya tertangguh-tangguh dan usaha yang lain dari kebiasaan telah mula menjalar di dalam masaalah ini. Apakah ini suatu pertanda sihat? Apakah pihak yang berkuasa mahu menggunakan tekanan dan paksaan kepada parti komponennya dalam menghadapi masaalah ini? Ada ura-ura yang

mengatakan bahawa usaha-usaha sedang rancang dijalankan untuk mengambilalih pentadbiran negeri Kelantan dengan suatu cara yang anih kononnya sebuah Kerajaan Negeri hendaklah dibentuk tetapi kekuasaannya dan pentadbirannya dicabut dan diambilalih oleh Kerajaan Pusat. Apakah panduan dan sumber aspirasi yang diambil bagi menghalalkan demokrasi yang ditimbulkan oleh ura-ura yang disebutkan ini? Adakah kaedah pengambilalih Kerajaan Kerala dan Tamil Naidu di India hendaklah dijadikan contoh. Kalau peristiwa-peristiwa itulah yang hendak dijadikan contoh maka sejarah akan mengatakan pada satu hari kelak bahawa peniruan itu adalah tidak tepat kerana Kerala dan Tamil Naidu adalah diperintahkan oleh parti-parti yang menentang dasar parti yang memerintah di peringkat Pusat, sedangkan di Kelantan diperintah oleh parti komponen yang ikut menggabungkan diri dalam keluarga besar parti-parti yang bergabung dalam Barisan Nasional. Kerjasama telah dijalankan begitu mesra di antara pihak yang berkenaan. Yang mungkin menimbulkan persoalan ialah soal perlantikan Menteri Besar yang pada anggapan setengah orang muka-muka yang lain dari bekas Menteri Besar yang disingkirkan itu tidak akan dapat memberi kerjasama sepenuhnya dan tidak akan mempunyai kemampuan bagi mengiratkan hubungan antara Kerajaan Negeri dan Pusat seperti yang kononnya berjalan begitu baik sebelum ini. Sebenarnya hal ini boleh diselesaikan sekiranya pemimpin-pemimpin besar kita masih yakin dan ingin berpegang terus kepada sikap berlapang dada dan bertolak-ansur dalam menyelesaikan masaalah-masaalah dalam keluarga besar Barisan Nasional itu. Pintu perundingan hendaklah sentiasa terbuka lebar bersama-sama dengan lebarnya pintu hati dan sikap lapang dada pemimpin besar kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pelajaran, masaalah pelajaran di negara kita adalah satu perkara yang serius kerana melaluinyalah pemikiran dan gaya bertindak jenerasi kita yang akan datang dapat dibentuk. Sebagaimana maklum pelajaran

merupakan acuan yang paling penting bagi sesebuah negara memberi warna kepada rakyat dan jenerasi, rosak atau cacat acuan itu akan memberi kerosakan dan kecacatan kepada masa depan negara seluruhnya. Kita menyokong penuh atas apa sahaja langkah dan tindakan yang diambil untuk memajukan bidang pelajaran kita ini, tetapi kita merasa langkah-langkah selama ini masih bersifat menumbuhkan unsur-unsur linguistik semata-mata tanpa memberi makna dan semangat pendidikan itu sendiri. Yang penting dari sistem pelajaran ialah pendidikan. Kita tidak mahu orang kita yang lahir dari sistem pelajaran kita merupakan orang-orang yang terpelajar tetapi tidak terdidik. Moral dari sistem pelajaran ialah sejauh manakah seseorang itu terdidik. Negara akan terpukau nanti bila melihat setengah-setengah orang yang terpelajar dari sistem pelajaran kita akan keluar ke tengah-tengah masyarakat tetapi tidak mempunyai semangat dan wibawa untuk berkhidmat kepada masyarakat secara bertanggungjawab. Kita semua pandai mene-rangkan bahawa di tangan jenerasi mudalah terletaknya nasib negara, tetapi sistem pelajaran kita melahirkan setengah-setengah orang yang sambil lewa dan memandang sesuatu itu dari segi yang individualistis. Nam-paknya sifat-sifat yang dibentuk oleh sistem pelajaran kita untuk membawa manusia menjadi "robot" yang tidak prektis. Apabila mereka cuba berfikir maka pemikiran mereka tidak objektif dan ada pula yang mudah dihasut. Kerana itu lebih baik cara pendidikan kita dikaji semula dan kalau perlu nama Kementerian Pelajaran ditukar kepada Kementerian Pendidikan, dan cara mengajar dan orientasi memberi hasrat keinginan negara yang mengamalkan dasar Rukunegara.

Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan langkah Kementerian yang berkenaan mengharamkan minum arak dan dancing di bangunan sekolah meskipun tindakan ini ternyata lewat tetapi kita mengharapkan ini sebagai langkah permulaannya yang diharap diikuti dengan langkah-langkah lain yang boleh memenuhi aspirasi rakyat yang mempunyai

kebudayaan yang tulin di mana cita-cita mereka untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersih, kuat dan taqwa. Kesedaran ini membayangkan bahawa masa depan jenerasi kita akan lebih selamat dan terjamin bagi wabak keruntuhan moral yang menjadi penyakit tamadun ini. Saya harap pihak-pihak yang bertanggungjawab yang melaksanakan langkah tersebut adalah ikhlas yakni bukan mempunyai maksud-maksud politik dan harus disedari bahawa arak dan dancing hanya merupakan sebahagian sahaja daripada faktor kerosakan masyarakat. Di sana masih banyak lagi faktor-faktor lain yang bertentangan, bukan sahaja dengan ugama tetapi dengan tradisi kita sendiri yang perlu diambil tindakan, sesuatu tindakan hanya akan berkesan jika dilakukan untuk keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dari segi penggunaan bahasa pengantar, saya tidak ragu-ragu untuk menegaskan bahawa dasar Bahasa Malaysia tidaklah payah untuk diundur lagi. Jika ada orang-orang yang mengatakan faktor bahasalah yang membawa kemunduran maka anggaplah kenyataan-kenyataan seperti itu lahir dari orang-orang yang tidak yakin pada dirinya sendiri.

Tidaklah manis kalau saya tidak memabitkan soal penulis bahasa dan sastra. Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya mengumumkan pelepasan cukai pendapatan kepada kaum penulis sejumlah \$3,000. Langkah ini tentu mendapat sambutan dari kaum penulis dan sastrawan. Kita mengalu-alukan keberanian yang tersebut meskipun agak terlewat, tetapi bak kata orang, lebih baik lewat daripada tak ada langsung. Maka langkah tersebut hendaklah dianggap sebagai permulaan dalam langkah-langkah selanjutnya, supaya kehidupan mengarang boleh dijadikan profesion di mana seorang yang bekerja sebagai pengarang itu boleh hidup atas hasil usahanya. Pengarang-pengarang kita sejak zaman berzaman telah tertindas dengan berbagai cara termasuklah cetak rompak hasil karya mereka. Kaum penulis dianggap sama sebagai satu golongan yang berjasa kerana mereka jadi lidah

penyambung hasrat bangsa secara timbul balik, tanpa mereka tidak lahir creativity yang boleh mempertajamkan perkembangan kebudayaan dan pemikiran bangsa itu sendiri.

6.10 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Star): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Lazimnya, manakala datang hari menghidangkan Belanjawan, sekelian rakyat kita menyangka bahawa lebih banyak cukai-cukai akan dikenakan yang kelak membebankan mereka, tetapi pada kali ini khususnya, jika dapat saya kata begitu, maka Belanjawan tersebut bolehlah dianggarkan sebagai "Hadiah Tahun Baru" kepada rakyat jelata dan kesan utama Belanjawan ini seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah "suatu perkembangan ke arah strategi yang bermatlamat untuk menggalakkan perkembangan ekonomi melalui peraturan-peraturan kewangan yang juga akan menolong memperbaiki pembahagian pendapatan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di dalam bidang kestabilan harga-harga."

Di samping itu amatlah tertarik hati mendengar bahawa sungguhpun terdapat negara-negara perindustrian telah mengalami sedikit-sebanyak kurang senang dan tiada rancak pemulihan ekonomi mereka, ekonomi Negara kita sebaliknya telah berjalan dengan rancaknya dan perkembangan ekonomi negara kita dianggarkan sebanyak lebih kurang 8% di dalam ertikata yang sebenarnya. Oleh sebab perkembangan ekonomi negara kita bergantung kepada permintaan dari luar akan eksport bahan-bahan utama kita, maka sangatlah mustahak bagi kita mengawasi supaya ada perkembangan perlahan-lahan dan berlanjutan kepada ekonomi negara-negara perindustrian yang besar-besar itu. Namun demikian, maka telah kelihatan awan mendung sedikit-sebanyak di dalam rupa atau bentuk "polisi perlindungan perdagangan" (protectionist trade policy) meliputi dunia. Baru-baru ini kita dapati negara-negara perindustrian yang besar-besar mengamalkan

“Polisi Perlindungan Perdagangan” untuk melindungi perindustrian mereka sendiri maka dalam pada itu mereka berharap bahawa negara-negara membangun akan membeli barangan-barangan mereka yang bermutu tinggi perbuatannya.

Pihak Pasaran Bersama Eropah (E.E.C.) pada masa ini mengambil langkah untuk menyekat impot kain-kain daripada negara-negara membangun bagi melindungi perindustrian mereka. Pihak Amerika Syarikat, ahli-ahli kongresnya yang menyokong penanam-penanam kacang soya sedang mencari sokongan untuk meletakkan cukai ke atas minyak kelapa sawit dengan tujuan hendak melindungi perindustrian kacang soya. Pihak sahabat ikrah Pasifik kita kononnya, iaitu Australia, Kerajaan baru-baru ini telah meletakkan cukai ke atas impot bahan-bahan kayu dan kain-kain bagi melindungi perindustrian mereka, dan yang dikatakan “Abang ASEAN” kita, iaitu Jepun tiada bersedia hendak melonggarkan sekatan cukai sebab Jepun mahu melindungi perindustriannya.

Ketegangan polisi-polisi perlindungan perindustrian-perindustrian ini, tiada mendatangkan faedah kepada kedua-duanya iaitu negara-negara perindustrian dan yang membangun. Pemberian pertolongan kepada negara-negara membangun bukanlah suatu bantuan kerana ini cuma buat sementara waktu sahaja dan tarif ringan tiada boleh mendatangkan faedah kepada negara-negara membangun yang cuma ada bahan-bahan mentah terkecuali dari cukai untuk diekspot. Perdaganganlah yang nampak boleh mengatasi masalah ini oleh kerana perdagangan boleh berkekalan. Memperbaiki kemudahan-kemudahan pasaran menurut adat atau tradisi kelak mendatangkan faedah-faedah pada keseluruhannya dan berkekalan kepada negara-negara membangun. Maka supaya tiada merosakkan susunan ekonomi dunia, saya berharap negara-negara perindustrian melonggarkan dasar-dasar atau polisi-polisi perdagangan mereka bagi faedah negara-negara

perindustrian dan membangun oleh sebab lanjutan pemulihan perdagangan dunia bergantung kepada persamaan ekonomi kesemua negara-negara.

Saya juga suka mengemukakan beberapa pandangan dan komen berkenaan dengan Belanjawan.

Kerajaan sekarang ini bercadang hendak memajukan tanah sebanyak 100,000 ekar melalui FELDA untuk menanam getah, kelapa sawit dan koko. Saya berharap di dalam perkara membahagi-bahagi tanah kepada yang tiada bertanah, pembahagian itu hendaklah saksama supaya kesemua kaum mendapat faedah.

Amatlah menyenangkan mendengar bahawa negeri-negeri yang kurang maju tiada payah berbuat apa-apa caruman. Sebagai seorang dari negeri Kedah di mana kemudahan-kemudahan ini terlalu berkurangan, saya berharap pihak Kerajaan akan mempercepatkan pembekalan-pembekalan ini meliputi luar bandar.

Sungguhpun Kerajaan sedang meminta pihak swasta mempercepatkan penyelenggaraan pembinaan untuk mewujudkan pelaburan swasta, peluang pekerjaan dan pendapatan kepada mereka yang berpendapatan rendah, maka amatlah mustahak bahawa pihak Berkuasa Pusat menolong sektor pembinaan dengan mempercepatkan kemudahan-kemudahan pentadbiran. Kerapkali kelewatan pentadbiran dan apa yang diperkatakan ‘red tape’ di pihak Penguasa Tempatan melewatkan kemajuan terus-menerus dan jika langkah-langkah yang tegas tiada diambil, sektor pembinaan kelak berada di dalam apa yang diperkatakan; “hidup segan mati tak mahu”.

6.18 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (Silam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun menyokong Budget yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita pada hari Jumaat yang lalu.

Inilah rasa saya Belanjawan yang dibentangkan di Parlimen ini yang tidak dapat banyak tentangan dari segenap lapisan rakyat dan saya kira inilah Belanjawan yang "moderate" bagi diterima oleh segenap rakyat di negara kita ini. Dalam pada itu saya suka juga membuat sedikit-sebanyak pandangan yang saya fikir perlu di Dewan yang mulia ini.

Kita semua di dalam dan di luar Dewan ini mengalu-alukan Kerajaan Barisan Nasional kerana semenjak memerintah ia telah menitik-beratkan mata pelajaran bagi jenerasi kita yang akan datang. Belanjawan bagi membiayai pelajaran adalah yang terbesar sekali dari perbelanjaan-perbelanjaan yang lain. Walaupun perbelanjaan yang besar ini diperuntukkan bagi pelajaran tetapi masih ada rintihan rakyat kita dapati, kerana banyak kedapatan bangunan-bangunan sekolah di mana banyak terdapat anak-anak kaum bumiputra belajar, sekolah-sekolahnya buruk, dan ada pula yang runtuh kena pukul angin 10 batu sejam, dan ada pula yang tidak cukup kelas, ada juga terdapat muridnya banyak gurunya kurang dan banyak lagi kalau saya hendak butir-butiran di sini. Sungguh malang betul nasib anak-anak bumiputra ini belajar serba-serbi kekurangan dan biasa kita dengar anak-anak bumiputra akan dibantu dalam serba-serbi dalam bidang pelajaran, rupanya kata-kata itu hanya tinggal di dalam lapuran sahaja untuk bacaan jenerasi yang akan datang, dan mereka akan berkata, anak bumiputra adalah anak emas tetapi sebaliknya.

Buku-buku teks keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka pula sangat kurang digunakan di sekolah-sekolah dan saya berdo'a Dewan Bahasa dan Pustaka anjuran kiraan ini tidak akan mengalami kerugian dan ada juga desas-desus mengatakan bahawa buku-buku keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka dipiratkan, tetapi tidak ada orang yang berani mengambil tindakan.

Mengenai rancangan pertahanan negara kita, negara kita sangat bertuah kerana dapat

menjadikan tentera yang cekap dan didikasi kepada raja dan negara. Semangat ini sepatutnya hendaklah diteruskan, bukan sahaja daripada angkatan bersenjata tetapi juga kepada segenap kaum dalam negara kita ini, dan jasa-jasa bekas perajurit kita patut dibuktikan dengan lebih jelas lagi. Kerana kebanyakan yang kita dapati bekas-bekas perajurit ini mengadu hal mereka di akhbar-akhbar apabila menjelang hari raya bermacam-macam cerita kesusahan mereka selepas berkhidmat dalam angkatan bersenjata.

Di Semporna, Tuan Yang di-Pertua, ada satu kawasan penempatan askar-askar kita, yang kawasan ini seluas 2 ekar disewa dari orang awam. Oleh kerana tanah ini tanah kepunyaan orang perseorangan yang disewa maka askar-askar kita yang tinggal di situ tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan sosial, kerana tanah itu tanah private, dan Kementerian Pertahanan atau Kerajaan tidak dapat memajukannya. Ada juga cerita bahawa tanah ini hendak ditarik oleh tuan empunya ataupun hendak dijual terus kepada Kementerian Pertahanan tetapi sehingga hari ini tidak ada dapat khabar berita langsung kerana tuan punya tanah ini telah berkorban 2 ekar tanahnya dari 5 ekar dan saya harap, memandangkan askar-askar kita di situ telah berkorban, berkhidmat untuk negara, apalah salahnya Kerajaan membelinya supaya dapat dimajukan, dan dapatlah askar-askar kita menikmati hidup kemudahan-kemudahan merdeka negeranya.

Masalah pakaian seragam, Tuan Yang di-Pertua, tentera kita telah mendapat perhatian yang begitu minat dari semua rakyat dan pada masa sekarang oleh kerana pakaian seragam yang digunakan oleh askar-askar kita ini maka banyak pemuda-pemuda kita telah cenderung memasuki perkhidmatan tentera ini, tetapi peluang-peluang ini belum dapat pada mereka. Pakaian seragam celorong-celorong telah dipakai dengan begitu kemas dan gagah serta segak tetapi malangnya warnanya itu lekas luntur dan kainnya pula

cepat koyak dan wang yang begitu banyak ditunjukkan untuk membeli pakaian seragam ini adalah sangat dikesali kerana mutu kainnya itu yang dibeli adalah didapati kurang baik.

Begitu juga senjatapi yang dibeli seperti M 16, kalau tidak salah saya, magazine dan pelurunya banyak kedapatan tidak sama dan dengan ini banyak senjatapi yang baru dibeli itu kita tidak dapat gunakan seperti maksud asal dibeli senjatapi itu. Kalau benarlah perkara ini, sungguh malang sekali askar-askar kita yang pergi ke medan pertempuran, tetapi walau macamana sekalipun masih ada jalan, masih ada masa untuk memperbaikinya.

Kapal-kapal terbang pejuang patut ditambah dengan banyak lagi daripada yang ada sekarang terutama sekali kapal-kapal terbang pejuang ringan. Kalau kita banyak membeli kapal-kapal terbang pejuang yang terlalu moden, nanti jiran-jiran kata apa pula, jadi kita beli yang "moderate" untuk mempertahankan diri dari serangan musuh anti-national yang cergas menyerang dan menganas dan kapal-kapal terbang ini juga hendaklah banyak distationkan di Sabah sebagai kemegahan pertahanan negara kita di sana.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi Kementerian Kesihatan juga, boleh dikatakan besar diperuntukkan dalam Belanjawan ini, tetapi di tempat saya, Semporna, penduduknya bertambah dengan begitu cepat, didapati tidak cukup kemudahan-kemudahan yang disediakan di hospital itu. Doktor yang permanent tidak ada, ubat-ubat pun sudah out-of-date. Jadi dengan mensarankan bahawa Kementerian ini dapat peruntukan yang besar tetapi kemudahan-kemudahan yang diadakan di hospital-hospital tidak mengikut perkembangan masa, serba-serbi tidak cukup. Saya fikir Menteri yang berkenaan patut memberi lebih peruntukan stock ubat bagi hospital-hospital yang terpencil kerana mereka ini sudah mendapat tambahan ubat dengan sebab-sebab yang susah saya hendak huraikan

di sini. Orang-orang luar bandar hendak berjumpa doctor private, maklum sahajalah pendapatan mereka itu, dan mereka bertumpu kepada hospital-hospital kerajaan dan di situlah mereka bergantung nasibnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita biasa dapat tahu bahawa kampung-kampung di Semenanjung ini dapat perhatian berat dari Kerajaan Federal. Alangkah baik nasib kampung-kampung di sebelah sini, baik kampung-kampung baru, anak emas kerajaan, mahupun kampung-kampung lama. Banyak bantuan telah diberi untuk memperbaiki taraf hidup orang-orang kampung yang berkenaan, tetapi malangnya kampung-kampung tradisi di Sabah, kerana di Sabah tidak ada kampung-kampung baru, kurang mendapat minat dari Kerajaan Federal. Menteri-menteri Federal pun tidak melawat kampung-kampung di Sabah untuk membawa peruntukan memperbaiki keadaan di sana, maka tinggallah mereka itu hidup seolah-olahnya negara kita ini tidak mencapai kemerdekaan. Apakah bantuan-bantuan perkampungan dari Federal ini hanya layak untuk diberi kepada kampung-kampung di Semenanjung sahaja, dan tidakkah ada niat kerajaan Federal untuk menghulurkan peruntukan bagi kemajuan perkampungan di Sabah terutama sekali yang berjauhan dari bandar dan susah perjalanannya. Saya harap peruntukan memajukan perkampungan ini, bagi masa hadapan, Kerajaan Federal tunjukkan jasa menabur peruntukan perkampungan di Sabah. Selama ini seolah-olahnya Kerajaan Federal tidak memberi apa-apun dan kalau ini dilanjutkan maka perasaan Malaysia akan luput dihati sanubari orang-orang di sana, kerana tidak ada budi yang dihulurkan.

Masalah perumahan kos rendah di Sabah sangat kurang memuaskan. Nampaknya Kerajaan Federal kurang minat dalam perkara ini. Setakat ini, rasa saya Kerajaan belum pernah pun memberi penerangan berapa banyak rumah kos rendah akan didirikan di Sabah, dan masalah rumah di Sabah adalah

barang yang perlu bagi rakyat di sana untuk menentukan nasibnya bagi masa hadapan. Harga-harga rumah juga perlu digradekan seperti rumah dalam bandar sekian harganya, rumah dekat bandar sekian harganya dan rumah yang berjauhan dari bandar sekian harganya. Dengan ini rakyat akan dapat menentukan kemampuan mereka itu untuk membeli rumah. Juga dahulu Allahyarham Perdana Menteri ada mengumumkan perumahan rakyat iaitu dengan memberi pinjaman dari wang pusingan, saya belum pun dapat tahu berapa banyak rakyat Sabah telah dapat menikmati pinjaman perumahan rakyat ini, setakat yang saya tahu belum ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah pada Kerajaan, kerana pada kali ini baru kita dengar Kerajaan menurunkan cukai dalam Dewan yang mulia ini, terutama sekali barang-barang impot seperti barang-barang permata, camera, jam tangan dan banyak lagi. Dalam perkara ini suka saya memaklumkan kepada Kerajaan, adakah niat kerajaan sekarang supaya orang-orang kita banyak menyimpan barang-barang kemas daripada wang ringgit disimpan di Bank Simpanan Nasional. Jika sekiranya Kerajaan menggalakkan menyimpan barang-barang kemas maka saya kuatir, orang-orang banyak mengutamakan barang-barang kemas daripada barang-barang keperluan harian. Sepatutnya Kerajaan menurunkan cukai barang-barang keperluan harian dan barang-barang yang di-

umumkan diturunkan cukai ini kebanyakannya barang-barang pelancung. Saya harap masa pun masih ada lagi, kerajaan menimbangkan menurunkan cukai barang-barang keperluan harian yang diimpot. Kalau ini dilaksanakan, lagi sokongan kuat kepada Parti Barisan Nasional daripada rakyat akan didapati.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini sangat bertuah kerana Kerajaan Federal akan memberi banyak bantuan kepada nelayan-nelayan kita, kerana nelayan ini adalah rakyat kita yang paling teruk sekali menempuh hidup mereka, jika dibandingkan dengan kaum-kaum pekerja yang lain. Malangnya bantuan yang akan diberi itu, walaupun pada masa-masa yang lepas, nelayan-nelayan di Pantai Timur Sabah tertinggal daripada list bantuan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Banyak lagi yang hendak dicakapkan?

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah: Banyak lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Jumaat, 4hb November, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.